

Renungan Kebaktian

UNTUK KELUARGA AKHIR ZAMAN

Isi Kandungan

Pengenalan

Jurnal Doa

Rahsia Rumah Tangga Bahagia

Keluarga Harus Memantulkan Kebaikan Tuhan

Eden, Rumah Tangga Yang Pertama

Abraham Menuruti Suara Tuhan

Para Wanita Yang Berani Pada Waktu Krisis

Bagaimana Memperbaiki Perkahwinan Anda

Umur Panjang Dijanjikan Kerana Menghormati Ibu Bapa

Resepi Yesus Untuk Perkahwinan Yang Bahagia

Ribka: Pilihan Ilahi

Ayub Mempersalahkan Korban Bakaran Untuk Anak-anaknya

Kasih Dalam Rumah Tangga

Mendidik Anak-anak

Gereja Di Dalam Rumah

Mengapa Perkahwinan Gagal?

Kebaktian Keluarga Tidak Boleh Diabaikan

Kasih Tidak Menyimpan Kesalahan Orang Lain

Keharmonian Rumah Tangga

Dialog Rumah Tangga

Anak-anak Yang Hilang Atau Ibu Bapa Yang Hilang

Apa Yang Mereka Lihat Di Rumahmu

Masa Untuk Anak-anak

Sebuah Lagu Cinta

Rumah Tangga – Suatu Tempat Cinta

Rumah Tuhan

Pengaruh Sebuah Rumah Tangga Kristian

Alkitab Adalah Suara Tuhan Kepada Keluarga

Berpaut Kepada Yang Maha Kuat Di Syurga

Sebuah Hujah Yang Tidak Dapat Ditolak Oleh Orang Kafir

Bagaimana Menyatukan Hati

Prinsip-Prinsip Rumah Tangga Bahagia

Menunjukkan Cinta: Bila Dan Bagaimana

PENGENALAN

Secara ideal, keluarga menyediakan persekitaran yang positif dan mendorong untuk menentang pergelutan hidup dan kesakitan hati. Ia juga boleh menyediakan satu sistem nilai yang bermanfaat untuk membantu kita hidup gembira dan sihat melalui hubungan dengan Kristus.

Walau bagaimanapun, realitinya adalah tidak semua rumah tangga menawarkan pengalaman yang positif dan berasaskan iman ini. Hari ini keluarga menghadapi cabaran dari segala sisi – tekanan dari kehidupan harian, peningkatan keganasan di dunia, pengaruh media, dan pengabaian nilai-nilai tradisional. Pada zaman dahulu keluarga adalah pusat pengaruh bagi ahli-ahlinya dan bagi masyarakat. Hari ini banyak keluarga sedang bergelut untuk mengekalkan keutuhan.

Oleh itu, pengaruh keluarga Kristian dalam memberi teladan dan mengajar gaya hidup yang positif boleh memperkayakan kehidupan orang-orang di sekeliling mereka. Ellen White menekankan impak besar yang boleh diberikan oleh sebuah keluarga Kristian yang aktif dan penyayang seperti berikut:

“Sebuah rumah tangga Kristian yang diatur dengan baik adalah merupakan sebuah hujah yang sangat berkuasa yang menyokong realiti agama Kristian – sebuah hujah yang orang kafir tidak dapat sangkal. Semua orang boleh melihat bahawa ada kuasa yang sedang bekerja dalam keluarga yang mempengaruhi anak-anak, dan bahawa Tuhan Abraham menyertai mereka. Jika rumah tangga orang-orang yang mengaku Kristian mempunyai acuan agama yang betul, mereka akan memberikan pengaruh yang besar untuk kebaikan. Sesungguhnya mereka akan menjadi ‘terang dunia’” (The Adventist Home, ms. 36).

Renungan Kebaktian Untuk Keluarga Akhir Zaman diadaptasikan dari Panduan Keluarga FAMILY-TO-FAMILY (FTF) yang dihasilkan oleh Jabatan Pelayanan Keluarga General Conference Gereja Seventh-day Adventist dan berasal dari Union Mission Brazil Barat Tengah, Divisi Amerika Selatan.

Ini adalah sumber yang ringkas dan padat untuk penekanan kebangunan rohani peribadi (fasa 1) Gaya Hidup Penginjilan Bersepadu (IEL). Jurnal doa dan Renungan Kebaktian Harian akan membantu anda sementara anda memulakan masa kebaktian keluarga setiap hari atau membawa nafas baru kepada kebaktian keluarga anda yang sedia ada.

1. Catatan Jurnal Doa mempunyai ruang untuk anda menyenaraikan nama-nama keluarga, sahabat dan jiran tetangga yang bukan Adventist di mana anda akan berdoa untuk mereka dalam bulan kedua dalam kitaran satu tahun IEL. Ia menyediakan peringatan tepat pada waktunya untuk berdoa setiap hari bagi mereka.

2. Renungan Kebaktian Harian menyediakan bacaan selama 31 hari dengan satu seksyen untuk renungan, pemikiran utama dan soalan-soalan panduan perbincangan yang dihasilkan oleh Jabatan Pelayanan Keluarga SSD (2014-2015). Mereka direka untuk menghidupkan masa kebaktian keluarga yang biasa dan merangsang perbincangan keluarga yang lebih mendalam. Adalah diharapkan bahawa pada akhir 31 hari, anda dan keluarga anda telah begitu

menikmati masa rohani bersama setiap hari ini sehingga anda akan terus berkumpul bersama setiap hari untuk belajar Alkitab dan berdoa, jika anda belum melakukan ini.

Semoga buku kecil renungan kebaktian ini menginspirasi anda dan keluarga anda untuk mengongsikan terang kasih Yesus di mana pun anda berada.

NOTA: Setelah belajar setiap hari bersama keluarga anda, sekarang anda boleh menggunakan renungan kebaktian ini secara mingguan dalam pelayanan KELOMPOK PEDULI/KECIL anda.

JURNAL DOA

(Jabatan Pelayanan Keluarga General Conference, Family to Family Guide, ms.9)

Dalam Jurnal Doa ini kami mendorong anda untuk menuliskan nama-nama jiran tetangga, sahabat dan saudara mara anda supaya anda boleh mulai berdoa untuk mereka. Masukkan nama anak-anak mereka juga. Berdoalah untuk mereka setiap hari dengan menyebut nama satu persatu. Anda boleh bermula dengan satu atau dua orang jiran anda dan di kemudian hari tambahkan lebih banyak nama.

Berdoalah agar Tuhan memimpin keluarga anda untuk menjadi terang yang bersinar di kawasan kejiranan anda. Minta Tuhan untuk memimpin anda kepada keluarga-keluarga yang Dia mahu anda berhubung. Berdoalah untuk keberanian dan kerendahan hati dalam membuat hubungan ini. Pada suatu titik tertentu dalam program FTF ini anda akan didorong untuk menjangkau dalam persahabatan kepada sebuah keluarga dalam senarai ini. Siapakah keluarga (atau keluarga-keluarga) itu?

Ambil masa untuk mencatat sebarang permohonan doa tambahan dan jawapan-jawapan kepada doa untuk keluarga-keluarga ini. Pada suatu titik tertentu keluarga ini mungkin mahu anda berdoa tentang masalah yang mereka hadapi. Dengan sungguh-sungguh angkatlah setiap keluarga dalam doa di hadapan Tuhan yang mengasihi semua keluarga!

“Janganlah hendaknya kamu kuatir tentang apapun juga, tetapi nyatakanlah dalam segala hal keinginanmu kepada Allah dalam doa dan permohonan dengan ucapan syukur. Damai sejahtera Allah, yang melampaui segala akal, akan memelihara hati dan pikiranmu dalam Kristus Yesus” (Filipi 4:6, 7).

“Mintalah, maka akan diberikan kepadamu; carilah, maka kamu akan mendapat; ketoklah, maka pintu akan dibukakan bagimu. Karena setiap orang yang meminta, menerima dan setiap orang yang mencari, mendapat dan setiap orang yang mengetok, baginya pintu dibukakan.” (Matius 7:7, 8).

Tarikh Permohonan Doa

Permohonan Doa

Tarikh Doa Dijawab

1 Rahsia Rumah Tangga Bahagia

“Yesus dan murid-murid-Nya diundang juga ke perkawinan itu.” (Yoh 2:2)

Impian setiap manusia adalah untuk mempunyai sebuah rumah tangga yang kukuh dan bahagia. Ramai orang mengambil langkah yang sungguh-sungguh untuk mendirikan perkahwinan yang teguh. Kita memilih orang yang kita fikir ideal, seorang pasangan yang akan berkongsi dengan kita semua saat-saat istimewa dalam hidup kita. Kita mahu segala sesuatu berjalan tepat seperti yang dirancang kerana kebahagiaan kita dalam risiko. Tetapi secara perlahan-lahan, banyak pasangan telah melihat istana mereka runtuh. Apa yang dulunya menjadi sebuah impian boleh segera menjadi sebuah mimpi ngeri yang memusnahkan dan menyakitkan, meninggalkan luka yang mungkin tidak akan pernah sembuh.

Dalam perkahwinan di Kana di Galilea kita menemui tiga rahsia untuk perkahwinan yang berjaya. Rahsia pertama adalah jelas dalam ayat kedua yang berkata: “Yesus...diundang juga.” Banyak pasangan yang bimbang tentang segala perincian majlis perkahwinan tetapi lupa tentang asas-asas – untuk mengundang Yesus menjadi sebahagian daripada perkahwinan itu. Hubungan terbaik di dunia melibatkan tiga peribadi: Tuhan, suami dan isteri. Kehadiran Yesus di majlis perkahwinan kita bukanlah satu jaminan bahawa kita tidak akan pernah mempunyai sebarang masalah, tetapi ia menyakinkan kita bahawa kita akan mempunyai kuasa untuk mengurus rumah tangga kita. Dalam ayat lima Yohanes 2 kita menemui rahsia kedua: “Apa yang dikatakan kepadamu, buatlah itu!” Jika kita mempunyai kecenderungan dalam diri kita untuk membiarkan kehendak kita ditempatkan di bawah kehendak Yesus kita akan hampir tidak memikirkan tentang apa yang menyenangkan hati kita, melainkan apa yang menyenangkan hati Tuhan. Dan jika kita tertanya-tanya, “Apa sebenarnya yang Tuhan mahu saya lakukan?” kita akan menemui jawapannya dalam Firman Tuhan. Kepada para suami, Alkitab berkata, “Hai suami, kasihilah isterimu sebagaimana Kristus telah mengasihi jemaat dan telah menyerahkan diri-Nya baginya” (Efesus 5:25). Kepada para isteri, Tuhan memanggil, “Hai isteri, tunduklah kepada suamimu seperti kepada Tuhan” (ayat 22). Wanita akan memberikan cinta, kebaikan dan kasih sayang dengan tunduk kepada suaminya sendiri. Kepada para ibu bapa, Yesus meminta, “Dan kamu, bapa-bapa, janganlah bangkitkan amarah di dalam hati anak-anakmu” (Efe 6:4). Dan akhir sekali, kepada anak-anak diberikan panduan ini: “Hai anak-anak, taatilah orang tuamu di dalam Tuhan, karena haruslah demikian” (ayat 1).

Rahsia ketiga adalah membangun hubungan yang hidup dan aktif. Perhatikan apa yang Yohanes 2:6, 7 katakan: “Di situ ada enam tempayan yang disediakan untuk pembasuhan menurut adat orang Yahudi, masing-masing isinya dua tiga buyung. Yesus berkata kepada pelayan-pelayan itu: ‘Isilah tempayan-tempayan itu penuh dengan air.’ Dan merekapun mengisinya sampai penuh.” Tempayan-tempayan ini harus sentiasa diisi penuh dengan air, siap untuk digunakan untuk pelayanan menyucikan rumah tangga. Kenyataan bahawa tempayan-tempayan itu kosong menunjukkan bahawa agama rumah tangga tidak dipupuk. Tempayan kosong menunjukkan agama yang kosong.

Malangnya kita harus mengakui bahawa dalam kebanyakan rumah tangga Kristian tiga rahsia ini tidak diikuti secara konsisten. Akibatnya adalah keluarga yang hancur, anak-anak diabaikan, kebencian, dan penderitaan. Yesus ingin hadir dalam rumah tangga anda sama seperti kehadiranNya dalam majlis perkahwinan di Kana. Mahukah anda mengundang-Nya masuk?

– Pastor Juracy Santiago Castelo, Konferens Brazil Tengah

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Dalam majlis perkahwinan di Kana kita menemui tiga rahsia untuk perkahwinan yang berjaya:

1. Undang Yesus.
2. Buat tepat seperti apa yang Yesus suruh anda lakukan.
3. Bina hubungan yang hidup dan aktif dengan-Nya.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah beberapa cara di mana kita boleh mengundang Yesus ke dalam rumah tangga kita?
2. Ceritakan satu jawapan “mujizat” kepada sebuah doa – pengalaman anda sendiri atau pengalaman orang lain yang anda ketahui.
3. Apakah perkara sukar yang Tuhan suruh anda lakukan hari ini (di rumah, di sekolah, di tempat kerja)?

2 Keluarga Harus Memantulkan Kebaikan Tuhan

“Seperti bapa sayang kepada anak-anaknya, demikian TUHAN sayang kepada orang-orang yang takut akan Dia” (Mazmur 103:13).

Bawalah cahaya matahari syurgawi dalam perbualan anda. Dengan mengucapkan kata-kata yang mendorong dan menceriakan, anda akan menyatakan bahawa cahaya kebenaran Kristus tinggal di dalam jiwa anda. Anak-anak memerlukan kata-kata yang menyenangkan. Adalah penting kepada kebahagiaan mereka untuk berasa diakui. Berusahalah untuk mengatasi ekspresi yang kasar dan pupuk nada suara yang lembut. Tangkaplah keindahan yang terkandung dalam pelajaran-pelajaran dari Firman Tuhan, dan jaga ini dengan baik sebagai perkara yang penting kepada kebahagiaan dan kejayaan kehidupan rumah tangga anda. Dalam persekitaran yang gembira anak-anak akan mengembangkan kecenderungan yang manis dan riang.

Keindahan tabiat yang sejati bukan sesuatu yang hanya bersinar pada waktu-waktu khusus; kasih kurnia Kristus yang tinggal dalam jiwa dinyatakan di bawah segala keadaan. Dia yang menjaga dengan baik kasih kurnia ini sebagai kehadiran yang tinggal dalam hidupnya akan menunjukkan keindahan tabiat ketika keadaan mencabar mahu pun ketika keadaan senang. Di rumah, di dunia, di gereja, kita harus menghidupkan kehidupan Kristus. Terdapat jiwa-jiwa di sekeliling kita yang memerlukan pertaubatan. Apabila hukum Tuhan ditulis di dalam hati, dan disaksikan dalam tabiat yang kudus, mereka yang tidak mengetahui tentang kuasa kasih kurnia Kristus akan dituntun untuk menginginya, dan akan bertaubat.

Samakan yang serius sedang berjalan di tempat pengadilan di atas sekarang. Pemikiran bahawa keputusan sedang dibuat di syurga sekarang harus mendorong ibu bapa kepada ketekunan dalam mendidik anak-anak dalam takut dan kasih akan Tuhan. Bukan melalui kata-kata keras dan hukuman untuk kesalahan yang paling banyak membawa pencapaian, melainkan melalui pengawasan dan doa, jangan sampai mereka jatuh ke dalam jerat musuh...

Setiap keluarga yang mempunyai pengetahuan akan kebenaran untuk zaman ini, haruslah memberitahunya kepada orang lain. Umat Tuhan harus bersedia untuk melakukan suatu pekerjaan khusus. Kanak-kanak dan juga orang dewasa dalam keluarga harus memainkan peranan mereka dalam berusaha menyelamatkan mereka yang sedang binasa. Sejak usia mudanya Kristus adalah satu pengaruh yang menarik semua orang yang berhubungan dengannya kepada perkara-perkara yang lebih tinggi. Demikianlah orang-orang muda hari ini boleh menggunakan kuasa untuk kebaikan yang akan menarik jiwa kepada Tuhan.

Para ibu bapa perlu lebih menghargai sepenuhnya tanggungjawab dan penghormatan yang Tuhan telah letakkan ke atas mereka, dalam membuat mereka sebagai wakil diri-Nya kepada anak-anak. Tabiat yang ditunjukkan dalam hubungan kehidupan harian akan mentafsirkan bagi anak-anak itu, untuk kebaikan atau untuk kejahatan, kata-kata Tuhan yang berkata:

“Seperti bapa sayang kepada anak-anaknya, demikian TUHAN sayang kepada orang-orang yang takut akan Dia.” “Seperti seseorang yang dihibur ibunya, demikianlah Aku ini akan menghibur kamu.” – Ellen G. White, *Our Father Cares*, ms. 298, 299

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Rumah tangga yang gembira akan menghasilkan anak-anak yang gembira! Ini adalah hasil apabila Kristus tinggal di dalam hati dan merupakan kesaksian yang terbaik akan kuasa Tuhan untuk mengubah manusia. Mereka yang tidak tahu akan kuasa kasih kurnia Tuhan akan dituntun untuk menginginya dan akan bertaubat.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah situasi yang membuatkan anda marah dan menyebabkan anda melupakan Tuhan?
2. Ingat kembali tindakan-tindakan yang membuatkan ahli-ahli keluarga (pasangan, anak-anak, adik-beradik, ibu bapa) gembira.
3. Bagaimana kita boleh menjadi satu kuasa untuk kebaikan yang akan menarik orang lain kepada Tuhan?

3 Eden, Rumah Tangga Yang Pertama

“... TUHAN Allah dari manusia itu, dibangun-Nyalah seorang perempuan, lalu dibawa-Nya kepada manusia itu... Sebab itu seorang laki-laki akan meninggalkan ayahnya dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, sehingga keduanya menjadi satu daging” (Kejadian 2:22-24).

Tuhan meraikan perkahwinan yang pertama. Demikianlah institusi perkahwinan dimulakan oleh Pencipta alam semesta. “Perkahwinan itu adalah penuh hormat” (Ibrani 13:4); ia adalah salah satu anugerah pertama dari Tuhan kepada manusia, dan ia adalah salah satu daripada dua institusi yang selepas jatuh dalam dosa, Adam bawa bersamanya keluar dari pintu Firdaus. Apabila prinsip-prinsip Ilahi diiktiraf dan dituruti dalam hubungan ini, maka perkahwinan adalah suatu berkat; ia menjaga kesucian dan kebahagiaan bangsa, ia menyediakan keperluan sosial manusia, ia meninggikan fizikal, intelektual dan sifat moral...

Rumah tangga dari ibu bapa pertama itu harus menjadi contoh bagi rumah tangga lain sementara anak-anak mereka harus terus menduduki bumi. Rumah tangga itu, dipindahkan oleh tangan Tuhan sendiri, bukanlah sebuah istana yang sangat cantik... melainkan... sebuah taman. Inilah tempat tinggalnya... Di sekeliling pasangan suami isteri yang suci itu adalah pelajaran sepanjang zaman – bahawa kebahagiaan sebenar ditemui bukan di dalam pemanjaan keangkuhan dan kemewahan, tetapi di dalam hubungan erat dengan Tuhan melalui karya ciptaan-Nya. Jika manusia memberi kurang perhatian kepada yang palsu, dan akan memupuk lebih besar kesederhanaan, mereka akan datang lebih dekat kepada menyahut tujuan Tuhan dalam mencipta mereka. Keangkuhan dan keinginan tidak pernah dapat dipuaskan, tetapi mereka yang benar-benar bijak akan menemukan keseronokan yang besar dan mengangkat dalam sumber-sumber keseronokan yang Tuhan telah tempatkan dalam jangkauan semua orang.

Kepada manusia yang menduduki Eden telah diserahkan tugas menjaga taman itu, “untuk mengusahakan dan memelihara taman itu.” Pekerjaan mereka tidak memenatkan, melainkan menyenangkan dan menyegarkan. Tuhan telah menetapkan bekerja sebagai satu berkat kepada manusia, untuk menyibukkan fikirannya, untuk menguatkan tubuhnya, dan untuk mengembangkan pancainderanya. Dalam aktiviti mental dan fizikal Adam menemukan salah satu keseronokan tertinggi daripada kewujudan sucinya... pasangan yang suci itu bukan sahaja merupakan anak-anak di bawah pemeliharaan Allah Bapa tetapi juga merupakan para pelajar yang menerima didikan dari Pencipta yang Maha Bijaksana... Keteraturan dan kehormonian ciptaan membicarakan kepada mereka tentang kebijaksanaan dan kuasa yang tidak terbatas. Mereka sentiasa menemukan suatu perkara menarik yang mengisi hati mereka dengan kasih yang lebih dalam dan menimbulkan pernyataan kesyukuran yang baru.

Selagi mereka tetap setia kepada hukum Ilahi, keupayaan mereka untuk mengetahui, menikmati dan mengasihi akan terus bertambah. Mereka akan sentiasa memperoleh harta pengetahuan yang baru, menemukan mata air kebahagiaan yang segar, dan mendapat pengertian yang semakin jelas akan kasih Tuhan yang tidak dapat diukur dan tidak berkesudahan. – Patriarchs and Prophets, ms. 46-51.

– Ellen G. White, Reflecting Christ, ms. 194

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Tuhan telah menciptakan lelaki dan wanita untuk hubungan. Dia meraikan perkahwinan yang pertama – salah satu anugerah pertama dari Tuhan kepada manusia. Rumah tangga ibu bapa pertama kita (Adam dan Hawa) seharusnya menjadi contoh untuk rumah tangga yang lain. Mereka diberikan berkat untuk memelihara taman itu. Tuhan telah menetapkan bekerja sebagai satu berkat kepada manusia untuk menyibukkan fikirannya, menguatkan tubuhnya, dan mengembangkan pancarainderanya.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah berkat-berkat dari kehidupan berumah tangga?
2. Senaraikan faedah-faedah dari pekerjaan manual atau dari melakukan kerja-kerja dalam rumah secara sukarela.
3. Apakah aktiviti keluarga yang membuatkan anda lebih menghargai keluarga anda?

4 Abraham Menuruti Suara Tuhan

“Karena Abraham telah mendengarkan firman-Ku dan memelihara kewajibannya kepada-Ku, yaitu segala perintah, ketetapan dan hukum-Ku” (Kejadian 26:5).

Contoh [Abraham] sendiri, pengaruh senyap dari kehidupan hariannya adalah merupakan satu pelajaran yang berterusan. Integritinya yang teguh, kemurahan hati dan budi bahasa yang tidak mementingkan diri, yang telah memenangi kekaguman dari raja-raja, ditunjukkan di dalam rumah tangga. Terdapat keharuman mengelilingi hidup, kemuliaan dan keindahan tabiat, yang menunjukkan kepada semua orang bahawa dia terhubung dengan Syurga. Dia tidak mengabaikan jiwa hambanya yang paling hina. Di dalam rumah tangganya tidak ada dua hukum yang berbeza untuk tuan dan hamba; cara diraja bagi yang kaya dan cara yang lain bagi yang miskin. Semua orang diperlakukan dengan adil dan belas kasihan, sebagai pewaris kasih kurnia kehidupan bersamanya.

“Diperintahkannya kepada anak-anaknya dan kepada keturunannya...” Tidak ada pengabaian untuk mengekang kecenderungan jahat anak-anaknya, tidak ada pemanjaan berat sebelah yang lemah dan tidak bijak; tidak menyerahkan keyakinan tugasnya kepada tuntutan kasih sayang yang keliru. Abraham bukan saja akan memberi didikan yang betul, tetapi dia juga akan mengekalkan kewibawaan hukum yang adil dan benar.

Betapa sedikitnya orang pada zaman ini yang mengikuti teladan ini! Di pihak kebanyakan ibu bapa terdapat sentimentalisme yang buta dan mementingkan diri, kasih yang tersilap, yang ditunjukkan dalam meninggalkan anak-anak mereka, dengan pertimbangan yang belum dibentuk dan semangat keghairahan yang tidak berdisiplin, kepada pengawalan menurut kehendak mereka sendiri. Ini adalah kejahatan yang paling kejam kepada orang-orang muda, dan satu kesalahan yang besar kepada dunia. Pemanjaan ibu bapa menyebabkan kekacauan dalam keluarga dan dalam masyarakat. Ia mengesahkan dalam diri orang muda keinginan untuk mengikuti kecenderungan sendiri dan bukannya tunduk kepada tuntutan Ilahi. Oleh itu mereka membesar dengan hati yang enggan untuk melakukan kehendak Tuhan, dan mereka mewariskan roh tidak beriman dan tidak patuh itu kepada anak-anak dan cucu cicit mereka. Seperti Abraham, ibu bapa harus memerintahkan seisi rumah tangganya supaya menjadi seperti mereka untuk tetap hidup menurut jalan yang ditunjukkan TUHAN. Biarlah penurutan kepada kuasa ibu bapa diajarkan dan dilaksanakan sebagai langkah pertama dalam penurutan kepada kekuasaan Tuhan...

Mereka yang cuba meringankan tuntutan hukum Tuhan yang kudus menyerang secara langsung kepada dasar pemerintahan keluarga dan negara. Ibu bapa yang beragama, gagal untuk berjalan dalam hukum-Nya, tidak memerintahkan rumah tangganya untuk memelihara jalan Tuhan. Hukum Tuhan tidak dijadikan peraturan hidup. Anak-anak, sementara mereka membina rumah tangga mereka sendiri, tidak berasa berkewajipan untuk mengajar kepada anak-anak mereka apa yang mereka sendiri tidak pernah diajar. Dan inilah sebabnya mengapa terdapat banyak keluarga yang tidak mempunyai Tuhan...

Selagi ibu bapa sendiri belum berjalan dalam hukum Tuhan dengan hati yang sempurna mereka tidak akan bersedia untuk memerintahkan anak-anak mereka menjadi seperti

mereka. Reformasi dalam perkara ini adalah perlu – suatu reformasi yang mendalam dan luas.
– Patriarchs and Prophets, ms. 142, 143.

– Ellen G. White, Reflecting Christ, ms. 194

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Abraham adalah bapa contoh kerana dia mencorakkan kehidupannya dalam penurutan kepada Bapa Syurgawi. Hari ini, banyak ibu bapa yang meninggalkan anak-anak mereka, dengan pertimbangan mereka yang tidak dibentuk dan semangat keghairahan yang tidak berdisiplin, kepada pengawalan menurut kehendak mereka sendiri. Kurangnya didikan disiplin dari ibu bapa menyumbang kepada kekacauan dalam keluarga dan dalam masyarakat. Reformasi diperlukan dalam perkara ini.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah nilai-nilai keluarga yang anda mahu lihat diteruskan kepada anak-anak anda?
2. Adakah anak-anak anda mempunyai tuntutan yang anda dapati sukar untuk ditolak? Senaraikan atau terangkan mengenainya. Bagaimana anda menangani tuntutan ini?
3. Apa yang keluarga boleh lakukan untuk menjangkau ibu bapa dan anak-anak yang tidak menuruti hukum Tuhan?

5 Para Wanita Yang Berani Pada Waktu Krisis

“Sebab sekalipun engkau pada saat ini berdiam diri saja, bagi orang Yahudi akan timbul juga pertolongan dan kelepasan dari pihak lain, dan engkau dengan kaum keluargamu akan binasa. Siapa tahu, mungkin justru untuk saat yang seperti ini engkau beroleh kedudukan sebagai ratu” (Ester 4:14).

Dalam petikan hari ini peranan wanita digambarkan dalam cara yang besar semasa waktu krisis. Israel akan dibinasakan kerana iri hati Haman. Nampaknya tidak ada jalan penyelesaian, tetapi Tuhan membangkitkan seorang wanita yang sensitif dan bijak bernama Ester yang menghadapkan dirinya di hadapan raja dan mengantarai bangsanya. Ratu Ester adalah satu contoh seperti Yesus, yang juga menjadi pengantara untuk anak-anak Tuhan.

Dalam buku Hakim-Hakim kita mendapati contoh-contoh wanita lain yang pada waktu krisis menunjukkan diri mereka lebih kuat daripada para lelaki. Debora adalah orang yang pertama daripada mereka. Dia adalah seorang hakim di Israel, dan selain menjadi seorang isteri dan ibu yang dedikasi, dia melahirkan anak-anak lelaki yang juga menjadi hakim bagi umat Tuhan.

Semasa waktu ini, Yabin, Raja Kanaan menghantar Sisera untuk memerangi umat pilihan Tuhan. Kemudian watak Debora tampil dengan hebat dan agung dalam sejarah Israel. Dia memanggil Barak, komando tentera Tuhan dan menghantarnya untuk berperang, tetapi Barak takut dan berkata kepada hakim itu: “Jika engkau turut maju akupun maju, tetapi jika engkau tidak turut maju akupun tidak maju.” Kata Debora: “Baik, aku turut! Hanya, engkau tidak akan mendapat kehormatan dalam perjalanan yang engkau lakukan ini, sebab TUHAN akan menyerahkan Sisera ke dalam tangan seorang perempuan.”

Peperangan itu dimenangi oleh Israel tetapi Barak bukanlah pemenang agungnya. Sebenarnya, Sisera, komando musuh itu telah melarikan diri, tetapi dia tumpas di tangan seorang wanita bernama Yael. Dalam saat-saat kritikal Yael telah membuat keputusan yang bijak untuk melindungi bangsa Israel.

Semasa saat-saat akhir Kristus satu lagi wanita muncul, seorang wanita yang telah menghadapi krisis tanpa gentar. Maria, perempuan berdosa itu yang telah menemukan pengampunan dan kasih kurnia dalam Yesus, adalah orang terakhir meninggalkan Golgota dan orang pertama pergi ke kuburan.

Dari manakah para wanita ini mendapatkan keberanian dan kebijaksanaan untuk menghadapi saat-saat krisis? Mari kita bertanya kepada Maria Magdalena dan dia akan mengatakan bahawa dia pernah jauh dari Yesus dan hidupnya penuh dengan kegagalan serta kekecewaan. Tetapi pada suatu hari dia menemui rahsia kemenangan di bawah kaki Yesus. Di sana anda boleh melihat dia, duduk di bawah kaki Yesus sementara kakaknya Marta tergesa-gesa dalam kesibukan. Anda boleh melihat dia semula, mengurapi kaki Yesus dengan airmatanya, sementara orang lain sedang menikmati pesta. Sekali lagi anda boleh melihat dia di bawah kaki salib sementara orang lain melarikan diri. Dari Yesuslah, dari saliblah Maria, Debora, Ester dan para wanita lainnya telah menemukan kekuatan untuk menghadapi krisis. Dan di sanalah

para wanita dan lelaki hari ini boleh mendapatkan kuasa yang diperlukan untuk menghadapi masa-masa sukar yang akan datang.

– Alejandro Bullon, *More Like Jesus*, ms. 218

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

1. Mesej ini menunjukkan kaitan antara iman dan keberanian seperti yang dilihat dalam hidup Ester, Debora, Yael, Maria Magdalena dan para wanita lain.
2. Kuasa Tuhan yang tinggal di dalam diri umat yang komited boleh mencapai hasil-hasil yang besar.
3. Sebagaimana Dia telah memanggil para wanita ini untuk merisikokan hidup mereka untuk menyelamatkan bangsa mereka, demikian juga Dia telah membawa kita kepada satu kedudukan pengaruh untuk masa yang seperti ini – untuk mengambil risiko jika perlu untuk menyelamatkan orang lain.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah kualiti yang sama yang biasa ada pada para wanita ini yang membuatkan mereka kuat dalam waktu-waktu krisis?
2. Pernahkah ketakutan melumpuhkan anda atau membuatkan anda takut untuk membuat keputusan yang kritikal kerana kemungkinan akibat-akibat yang serius?
3. Bilakah kali terakhir anda cukup berani bercakap dengan seseorang dan dengan teliti menunjukkan pilihan yang mungkin akan membawa kepada akibat yang memudaratkan atau negatif? Adakah Tuhan memanggil anda untuk melakukannya sekarang? Apakah respons anda?

6 Bagaimana Memperbaiki Perkahwinan Anda

“Hendaklah kamu bersungguh-sungguh saling mengasihi dengan segenap hatimu” (1 Petrus 1:22).

Sepasang suami isteri meraikan ulangtahun perkahwinan mereka yang ke-50. Surat khabar tempatan menghantar seorang wartawan untuk menemuramah mereka. Si suami berada sendirian di rumah pada waktu itu, oleh itu wartawan menyoalnya, “Apakah resepi untuk sebuah perkahwinan yang bahagia dan berkekalan?” “Baiklah, saya akan memberitahumu wahai orang muda,” kata suami tua itu perlahan-lahan, “Sarah adalah teman wanita saya yang pertama dan terakhir. Apabila dia berfikir kami harus berkahwin, saya menjadi gementar. Kemudian, selepas majlis perkahwinan ayahnya memohon untuk bercakap dengan saya secara tertutup. Dia menyerahkan kepada saya sebuah pakej kecil dan berkata, ‘Di sini terdapat segala sesuatu yang kamu benar-benar perlu tahu untuk mempunyai sebuah perkahwinan yang bahagia.’ Di dalam kotak itu terdapat seutas jam emas.” Si suami mengangkat tinggi jam itu supaya wartawan boleh melihatnya. Kemudian dia mendekatkan jam itu kepada wartawan supaya dia boleh membaca apa yang terukir di atas muka jam itu. Di sana terukir, “Katakan sesuatu yang baik kepada Sarah hari ini!” Lelaki tua itu tersenyum dan berkata, “Ia adalah sesuatu yang sangat sederhana, tetapi ia benar-benar berhasil.”

Berikut adalah lima lagi resepi untuk memperbaiki perkahwinan anda. Sementara anda membaca ini, ingat, tidak ada rumah tangga yang sempurna, tidak ada rumah tangga yang tiada kesalahan. Semua pasangan suami isteri mempunyai cabaran mereka yang unik. Apa yang paling penting adalah untuk fokus membahagiakan satu sama lain.

- Jangan bandingkan perkahwinan anda dengan perkahwinan orang lain. Perlakukan perkahwinan anda sebagai satu hubungan yang unik. Semua perkahwinan mempunyai cabaran. Jadikan Yesus sebagai standard anda.
- Semak matlamat perkahwinan anda secara tetap. Dalam aspek apakah anda gagal? Anda harus melakukan ini sekurang-kurangnya sekali atau dua kali setahun. Apakah aspek yang perlu diperbaiki? Manakah aspek yang anda mempunyai konflik? Berapa banyak masa anda luangkan bersama?
- Bercakaplah kepada satu sama lain. Adalah tidak cukup untuk sekadar bersama. Seseorang pernah berkata bahawa tanpa ada iklan televisyen orang tidak akan pernah bercakap dengan satu sama lain. Seorang isteri pernah merungut bahawa dia tidak mempunyai masa yang cukup untuk menyelesaikan masalah dengan suaminya kerana iklan televisyen terlalu pendek!
- Urus kewangan anda bersama. Tiga masalah terbesar dalam kebanyakan perkahwinan adalah wang, seks dan mertua. Masalah kewangan adalah lebih besar daripada yang anda mungkin fikirkan. Adalah penting untuk menetapkan bajet dan mematuhiinya. Wang adalah satu aspek konflik yang sangat sensitif dalam kebanyakan perkahwinan.
- Kongsikan kata-kata yang penuh kasih sayang dengan satu sama lain. Ingat nota-nota dan kad-kad yang manis semasa zaman bercinta dulu? Teruslah memberi kata-kata cinta kepada pasangan anda. Puji gaya rambutnya, tali lehernya, makanan, kerjanya...

Jikalau ada kasih yang sejati, ia akan ditunjukkan dalam kata-kata dan tindakan kita. Selalu mengulangi kata-kata lembut membantu mengekalkan suasana romantik. Katakan “I love you” selalu dan meteraikannya dengan sebuah kucupan yang tulus!

Ingat kata-kata dalam ayat pembuka kita dari Alkitab: “Hendaklah kamu bersungguh-sungguh saling mengasihi dengan segenap hatimu” (1 Petrus 1:22).

– Moyses S. Nigri, *Walking with God Every Day*, ms. 345

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Selalu memilih untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang sederhana dan spesifik yang akan membuat pasangan berasa sangat dicintai dan dipedulikan menyumbang kepada perkahwinan yang bahagia. Beberapa contoh adalah seperti berpegangan tangan, mengirim mesej suara atau teks pada waktu siang, menepuk bahu, mengatakan sesuatu yang baik kepada pasangan anda dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ia memerlukan usaha, doa, komitmen dan kerelaan untuk hidup menurut standard Tuhan untuk boleh melakukan ini.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apa yang membuatkan perkahwinan unik daripada mana-mana hubungan manusia yang lain?
2. Apa yang anda boleh buat untuk kekal menarik kepada pasangan anda?
3. Apa yang anda ingin lihat dalam perkahwinan anda dalam masa lima tahun? Sepuluh tahun? Dua puluh tahun?

7 Umur Panjang Dijanjikan Kerana Menghormati Ibu Bapa

“Hormatilah ayahmu dan ibumu, supaya lanjut umurmu di tanah yang diberikan TUHAN, Allahmu, kepadamu.” (Keluaran 20:12)

Mereka yang benar-benar mengikuti Kristus harus membenarkan Dia tinggal dalam hati, dan menabalkan Dia di sana sebagai yang tertinggi. Mereka harus mewakili Roh dan tabiat-Nya dalam kehidupan rumah tangga mereka, dan menunjukkan budi bahasa dan kebaikan terhadap siapa saja mereka berhubungan. Terdapat ramai anak-anak yang mengaku mengetahui kebenaran, yang tidak memberi hormat dan kasih sayang kepada ibu bapa seperti yang selayaknya mereka terima, yang menunjukkan hanya sedikit kasih kepada bapa dan ibu, dan gagal untuk menghormati ibu bapa dalam tunduk kepada keinginan mereka, atau dalam berusaha untuk melepaskan mereka daripada kebimbangan.

Ramai yang mengaku sebagai Kristian tidak tahu apa maksudnya untuk “hormatilah ayahmu dan ibumu,” dan akibatnya mereka hanya tahu sedikit apa maksudnya “supaya lanjut umurmu di tanah yang diberikan TUHAN, Allahmu, kepadamu.” Keluaran 20:12... Juruselidiki hati tahu apa sikap anda terhadap ibu bapa anda; kerana Dia menimbang tabiat moral dalam penimbang emas di bait suci syurgawi. Oh, akuilah pengabaian anda terhadap ibu bapa anda, akuilah sikap acuh tak acuh anda terhadap mereka, dan penghinaan anda terhadap hukum Tuhan yang suci.

Ibu bapa berhak menerima kasih dan hormat sampai pada satu tahap tertentu, di mana orang lain tidak mempunyai hak itu. Tuhan sendiri, yang telah meletakkan ke atas mereka satu tanggungjawab untuk jiwa-jiwa yang telah diserahkan di bawah penguasaan mereka, telah menetapkan bahawa semasa tahun-tahun awal kehidupan, ibu bapa akan mewakili Tuhan kepada anak-anak mereka. Dan dia yang menolak kewibawaan yang menjadi hak ibu bapa mereka, adalah menolak kewibawaan Tuhan. Hukum kelima memerintahkan anak-anak bukan sahaja untuk memberi hormat, tunduk dan taat kepada ibu bapa, tetapi juga untuk memberi mereka kasih dan kelembutan, untuk meringankan kesusahan mereka, untuk menjaga reputasi mereka, dan untuk memberi pertolongan dan menghibur mereka di usia tua. Hukum kelima mengikat anak-anak selagi mereka dan ibu bapa mereka masih hidup.

– Ellen G. White, *Sons and Daughters of God*, ms. 60

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Jika anda mahu mempunyai umur yang panjang dan hidup yang gembira, hormatilah ibu bapamu.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Bagaimana anda menghormati ibu bapa anda? Mengapa ini sangat penting?
2. Bagaimana anda menunjukkan hormat kepada ibu bapa anda walaupun anda tinggal jauh dari mereka?

3. Apa yang anda boleh lakukan jika anda bergelut dalam hubungan anda dengan ibu bapa anda disebabkan oleh kepercayaan dan sistem nilai yang berbeza atau disebabkan oleh situasi lain?

8 Resepi Yesus Untuk Perkahwinan Yang Bahagia

“Di situ ada enam tempayan yang disediakan... Yesus berkata kepada pelayan-pelayan itu: ‘Isilah tempayan-tempayan itu penuh dengan air.’ Dan merekapun mengisinya sampai penuh” (Yohanes 2:6, 7).

Terdapat krisis di majlis perkahwinan yang Yesus hadiri. Adalah menjadi adat untuk selalu menghidangkan air anggur yang terbaik terlebih dahulu, dan menghidangkan air anggur yang lebih rendah kualitasnya kemudian. Apabila Yesus mengubah air dari enam tempayan itu menjadi air anggur terbaik yang pernah orang rasa, pesta majlis itu menjadi takjub. Ini sesuatu yang luarbiasa. Ia adalah satu pelajaran yang penting untuk pasangan yang baru berkahwin itu dan juga untuk kita hari ini. Kebanyakan pasangan yang baru berkahwin menaruh tenaga mereka yang terbaik (seperti air anggur baru) ke dalam bahagian pertama perkahwinan mereka. Tetapi setelah bertahun-tahun berlalu dan masalah timbul, usaha mereka menjadi lemah (seperti air anggur lama). Kristus mahu menunjukkan bahawa, bersama Dia, sebuah perkahwinan menjadi baik pada permulaannya, tetapi akan menjadi lebih baik lagi pada penghujungnya. Berdasarkan cerita Alkitab ini, berikut adalah sebuah pelan untuk perkahwinan yang bahagia.

Tempayan yang paling penting untuk diisi dalam sebuah perkahwinan ialah tempayan cinta. Cinta sejati adalah penting untuk sebuah perkahwinan bahagia. Tarikan fizikal hanyalah sementara. Penampilan dan kecantikan bukanlah dasar untuk sebuah perkahwinan bahagia. Cinta sebenar adalah berasaskan saling memahami, persahabatan dan kesamaan rohani. Cinta juga didasarkan pada rasa hormat dan menghargai pasangan kita. Apabila kedua-dua pihak menunjukkan hormat kepada satu sama lain, di sana akan ada dasar yang baik untuk perkahwinan.

Apabila kita rapat dengan Kristus di sana tidak ada ketakutan melainkan kasih. Tuhan akan memberikan kepada kita kemampuan untuk mengasihi. Apabila kita jauh dari Kristus di sana tidak akan ada cinta sejati yang mendalam dan bersifat Ilahi di antara dua orang. Ya, kita boleh mencintai satu sama lain, tetapi apabila kita menyerahkan hidup kita kepada Kristus, Tuhan akan mencurahkan ke dalam hati kita kemampuan yang lebih besar untuk mencintai, satu dimensi yang lebih dalam yang tidak diketahui.

Robert Burns menulis kembali 1 Korintus 13. Huraianya berbunyi begini: “Rumahku mungkin boleh dipenuhi dengan kekayaan duniawi, tetapi jika ia tidak mempunyai kasih ia akan menjadi sebuah rumah yang kosong. Rumahku mungkin boleh menjadi satu tempat di mana orang-orang pintar bertemu, tetapi jika ia tidak mempunyai kasih, ia hanya akan menjadi sebuah rumah yang bisung. Rumahku mungkin boleh mengirim surat-surat kepada orang-orang penting kerajaan, ia mungkin boleh berjuang untuk kebajikan semua manusia, tetapi jika ia tidak mempunyai kasih, tidak lama pengaruhnya akan hilang. Roh sebenar sebuah rumah tangga adalah sangat sabar dan murah hati. Ia tidak cemburu, ia tidak menunjuk-nunjuk, ia tidak bercakap besar, ia tidak pernah tersinggung, tidak mementingkan diri atau tidak pemaarah. Ia tidak menyimpan kebencian. Sebuah rumah tangga yang penyayang tidak pernah bersukacita apabila ia mendengar ada kesedihan di rumah orang lain. Ia selalu berhati-

hati untuk tidak menceritakan masalah pribadi di rumah orang lain. Ia selalu mempercayai yang terbaik, selalu berharap, dan selalu bertoleransi! Rumah tangga itu tidak akan pernah hilang. Tamadun akan lenyap; pengetahuan akan menjadi lapuk dan institusi akan berakhir. Kerana sekarang kita hanya tahu sedikit dan kita hanya melihat masa depan yang samar-samar, tetapi apabila roh rumah tangga yang sebenar memimpin urusan-urusan dunia, maka kerajaan Tuhan yang sempurna akan didirikan. Sekarang, semoga ketiga-tiga ini berterusan selama-lamanya dalam rumah tangga kita: iman, pengharapan dan kasih. Tetapi yang terbesar daripada semua ini adalah kasih!”

Setiap hari kita harus mengisi sampai penuh tempayan-tempayan dengan kasih syurga. Jika kita melakukan ini, cinta dalam perkahwinan kita tidak akan pernah kering.

“Mereka yang benar-benar bergembira dalam kasih Tuhan akan mempunyai sukacita dan damai sejahtera” (Ellen G. White, *The Faith I Live By*, ms. 237).

– LeoRanzolin, *Jesus, the Morning Dew*, ms. 181

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Setiap hari, isilah tempayan perkahwinan anda dengan kasih syurga maka ia tidak akan pernah kering.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah maksudnya mempunyai perkahwinan yang berpusatkan Kristus?
2. Mengapa hubungan anda harus didasarkan pada iman anda dalam Yesus Kristus?
3. Apa yang boleh anda lakukan untuk mendorong pasangan anda untuk mengejar perkembangan pribadi dan rohani?

9 Ribka: Pilihan Ilahi

“Tetapi engkau harus pergi ke negeriku dan kepada sanak saudaraku untuk mengambil seorang isteri bagi Ishak, anakku” (Kejadian 24:4).

Walaupun begitu banyak perceraian di seluruh dunia, para lelaki dan wanita berterusan mencari seorang teman hidup. Ketika mereka remaja, orang-orang muda mulai mencari seseorang untuk memberi mereka kebahagiaan. Contoh yang harus kita ambil apabila memilih seorang pasangan boleh didapati dalam pengalaman Abraham ketika dia mencari seorang isteri bagi anak lelakinya, Ishak.

Pada zaman itu ibu bapa membuat keputusan untuk perkahwinan. Sebagai contoh, saya teringat lawatan saya ke sebuah sekolah di Parane, Tanzania. Pada suatu Ahad, sementara orang-orang muda sedang berseronok dalam sosial gereja, seorang guru mengarahkan perhatian saya kepada dua orang belia: “Pastor, dua orang belia itu telah dikontrakkan untuk perkahwinan. Ibu bapa mereka telah bersetuju bahawa sebaik saja mereka tamat belajar mereka akan berkahwin.” Seperti pasangan ini, Abraham mengawasi anak lelakinya dan mahu seorang pasangan sejati untuk seumur hidup bagi dia dari bangsanya sendiri. Dia meminta hambanya Eliezar untuk mencari seorang isteri bagi Ishak. Ketika Eliezer berangkat pergi, dia yakin bahawa malaikat Tuhan akan memimpin dia kepada perempuan yang akan menjadi isteri Ishak. Abraham memberitahu Eliezar bahawa Tuhan akan mengiriskan malaikat mendahuluinya.

Setelah berjalan jauh, pengembara yang letih itu menunggu di kawasan sekitar Nahor untuk para perempuan muda datang keluar menimba air di sumur. Di sana Eliezer mengucapkan sebuah doa yang indah kepada Tuhan dan meminta Tuhan memberi satu tanda. Dia memohon agar perempuan yang menerima permintaannya untuk meminta air akan menjadi perempuan pilihan Tuhan untuk Ishak.

Kisah itu sungguh mempesonakan! Ribka yang diterangkan Alkitab sebagai seorang perempuan yang “sangat cantik parasnya”, datang ke sumur mengangkat sebuah tempayan di atas bahunya. Setelah dia mengisi tempayan itu dengan air, Eliezer mendekatinya dan meminta: “Tolong beri aku minum air sedikit dari buyungmu itu” (Kej 24:17). Ribka menjawab: “Minumlah, tuan” (ayat 18). Kemudian dia memberi air kepada Eliezar dan kepada semua unta-untanya.

Ribka adalah seorang perempuan muda yang berdedikasi, sopan dan senang menerima tetamu. Apabila dia mendengar tentang misi Eliezar, dia mengundangnya untuk berehat di rumah ayahnya. Adalah penting untuk diingat bahawa bukan saja Abraham dan Eliezar yang berdoa, malahan Ishak berdoa dan bermeditasi (lihat ayat 63). Memilih seorang pasangan hidup menuntut banyak doa. Kedua ibu bapa dan anak-anak harus mencari restu Tuhan dalam mencari seorang lelaki atau perempuan Kristian muda yang akan menjadi seorang pasangan yang berdedikasi dalam Tuhan.

Ribka memahami misi Eliezar. Dia juga mahu berkahwin dengan seseorang yang mengasihi Tuhan! Apabila Laban, saudara lelakinya berkata: “Maukah engkau pergi beserta orang ini?”

Jawabnya: “Mau.” (Kej 24:58). Alkitab selanjutnya mengatakan bahwa apabila Ishak menerima Ribka dari tangan Eliezar, “Ishak mencintainya.”

“Cinta sejati adalah satu prinsip yang tinggi dan suci, sama sekali berbeza sifatnya daripada cinta yang dibangkitkan oleh dorongan hati dan tiba-tiba mati apabila diuji dengan berat” (Ellen G. White, Patriarchs and Prophets, ms. 176).

– LeoRanzolin, Jesus, the Morning Dew, ms. 59

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Memilih seorang pasangan hidup memerlukan panduan dari ibu bapa. Ia menuntut banyak doa dari ahli-ahli keluarga untuk dapat memilih seseorang yang akan menjadi seorang pasangan yang berdedikasi dalam Tuhan.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Adakah selalu wajar untuk mengikuti pilihan orang tua dalam memilih pasangan perkahwinan untuk anda? Jika ya, mengapa? Jika tidak, mengapa?
2. Bagaimana anda tahu jika bakal pasangan anda adalah pilihan Tuhan?
3. Apakah prinsip-prinsip (alkitabiah) yang membimbing dalam memilih seorang pasangan?

10 Ayub Mempersembahkan Korban Bakaran Untuk Anak-anaknya

“Setiap kali, apabila hari-hari pesta telah berlalu, Ayub memanggil mereka, dan menguduskan mereka; keesokan harinya, pagi-pagi, bangunlah Ayub, lalu mempersembahkan korban bakaran sebanyak jumlah mereka sekalian, sebab pikirnya: Mungkin anak-anakku sudah berbuat dosa dan telah mengutuki Allah di dalam hati. Demikianlah dilakukan Ayub senantiasa” (Ayub 1:5).

Terdapat dua cara untuk menangani anak-anak – cara-cara yang berbeza secara luas dalam prinsip dan dalam hasil-hasilnya. Kesetiaan dan kasih, disatukan dengan hikmat dan ketegasan, selaras dengan ajaran-ajaran Firman Tuhan, akan membawa kebahagiaan dalam kehidupan ini dan dalam kehidupan yang seterusnya. Pengabaian tanggung jawab, pemanjaan yang tidak bijak, kegagalan untuk mencegah atau membetulkan kebodohan orang muda, akan mengakibatkan penderitaan dan kemusnahan akhir kepada anak-anak, dan kekecewaan serta kesedihan yang mendalam kepada ibu bapa...

Adalah baik bagi ibu bapa untuk belajar dari lelaki dari Uz satu pelajaran tentang ketabahan dan kebaktian. Ayub tidak mengabaikan tanggung jawabnya kepada mereka yang ada di luar daripada rumah tangganya; dia seorang yang pemurah, baik hati, bertimbang rasa akan kepentingan orang lain; dan pada masa yang sama dia bekerja dengan sungguh-sungguh untuk keselamatan keluarganya sendiri. Di tengah-tengah suasana pesta anak-anak lelaki dan perempuannya, dia gementar ketakutan kalau-kalau anak-anaknya akan berkelakuan dalam cara yang tidak menyenangkan Tuhan. Sebagai seorang imam rumah tangga yang beriman, dia mempersembahkan korban bakaran bagi mereka secara individu. Dia tahu akan sifat dosa yang menjijikkan, dan pemikiran bahawa anak-anaknya mungkin akan terlupa tuntutan Ilahi, menuntun dia kepada Tuhan sebagai pengantara bagi pihak mereka.

Dia ingin melihat agar satu kumpulan orang muda yang ramai dikumpulkan keluar dari rumah, yang kerana pengaruh saleh dari rumah mereka, telah menyerahkan hati mereka kepada Dia dan pergi untuk memberikan Dia pelayanan hidup mereka yang tertinggi. Diajar dan dilatih dengan didikan yang saleh dari rumah, pengaruh kebaktian pagi dan petang, teladan yang konsisten dari ibu bapa yang mengasihi dan takut akan Tuhan, mereka telah belajar untuk tunduk kepada Tuhan sebagai guru mereka dan bersedia untuk memberikan Dia pelayanan yang sesuai sebagai anak-anak lelaki dan perempuan yang setia. Orang muda yang sedemikian bersedia untuk menunjukkan kepada dunia kuasa dan kasih kurnia Kristus.

– Ellen G. White, *Sons and Daughters of God*, ms. 257

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Kebaktian keluarga harus menjadi prioriti utama dalam setiap rumah tangga. Menjadi seorang imam dalam rumah tangga, bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan rohani anak-anaknya. Kebaktian, doa dan membaca Firman Tuhan adalah senjata yang

penting untuk melawan godaan dan merupakan perlindungan yang kuat bagi anak-anak kita dalam hubungan mereka dengan Tuhan.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Senaraikan cara-cara untuk menjadikan kebaktian keluarga satu prioriti.
2. Bagaimana kita boleh membuatkan kebaktian keluarga menyeronokkan dan menarik kepada kanak-kanak di rumah?
3. Apakah manfaat yang anda terima sementara anda menyertai kebaktian keluarga?
4. Bagaimana kebaktian keluarga boleh memberi impak yang berkekalan dalam kehidupan para belia kita?

11 Kasih Dalam Rumah Tangga

“Hai suami, kasihilah isterimu sebagaimana Kristus telah mengasihi jemaat dan telah menyerahkan diri-Nya baginya” (Efesus 5:25).

Terdapat para suami yang mempunyai hubungan perkahwinan yang terbatas kepada apa yang dibaca dalam Efesus 5:22: “Hai isteri, tunduklah kepada suamimu seperti kepada Tuhan.” Mereka lupa bahawa dalam pembelajaran Alkitab sebuah ayat tidak boleh dipisahkan daripada konteksnya. Iaitu kita harus mempertimbangkan keseluruhan petikan, ayat-ayat 22 sehingga 23, di mana terdapat visi prinsip-prinsip yang harmoni yang menyumbang kepada sebuah perkahwinan Kristian yang bahagia.

Tidak akan ada seberang masalah bagi para wanita untuk tunduk kepada suami, jika para suami mengasihi isteri mereka, “sebagaimana Kristus telah mengasihi jemaat dan telah menyerahkan diri-Nya baginya.” Dalam sebuah rumah tangga Kristian, kuasa suami adalah bukan sesuatu yang dikenakan secara paksa, tetapi dia memperolehnya dengan kasih, satu pengabdian yang mencapai kepada pengorbanan yang tertinggi, sama seperti kasih Kristus.

Masalah dalam banyak rumah tangga adalah bukan kekurangan kasih, tetapi kekurangan pernyataan penuh kasih sayang, yang ditunjukkan dalam kata-kata manis dan gerak isyarat yang baik. Sebuah cerita sedih tentang seorang suami yang telah kehilangan isterinya setelah 50 tahun berkahwin mengilustrasikan hal ini. Setelah selesai upacara pengebumian, pastor duduk untuk bercakap dengan lelaki ini.

“John,” tanya pastor, “Mary adalah seorang isteri yang baik, bukan?”

“Ya,” balas John.

“Kamu mencintai dia, betulkan John?”

“Ya, pastor. Mary adalah seorang wanita yang luar biasa. Saya mencintai dia. Dan saya hampir memberitahunya demikian.”

Malangnya, cerita ini menunjukkan apa yang terjadi dalam banyak rumah tangga. Ia tersilap diandaikan bahawa pasangan kita tahu betapa kita mencintai mereka, tetapi ia tidak dinyatakan sama sekali. Kata-kata penuh kasih sayang, satu tanda cinta akan melakukan banyak untuk menyingkirkan persekitaran yang membingungkan yang ada dalam banyak rumah tangga. Dengan ketiadaan pernyataan, cinta adalah seperti satu tanaman yang rapuh dan akan menjadi lemah. Hari ini adalah hari untuk menunjukkan kasih sayang ikhlas anda kepada pasangan anda. Esok mungkin sudah terlalu lambat. Dengarkan nasihat yang berharga ini: “Jadikan rumah tangga suatu Betel, sebuah tempat yang suci dan diserahkan. Peliharalah tanah hati supaya tetap subur oleh manifestasi cinta dan kasih sayang” (Ellen G. White, *Counsels to Parents, Teachers, and Students*, ms. 114).

– Siegfried J. Schwantes, *Closer to God*, ms. 124

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Cinta adalah sesuatu yang harus ditunjukkan melalui pernyataan penuh kasih sayang, kata-kata dan gerak isyarat yang baik. Kekurangan pernyataan cinta antara suami dan isteri akan mengakibatkan dalam “kedinginan hubungan.” Jadikan rumah tangga di mana kasih Tuhan dinyatakan.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Bilakah kali terakhir anda menyatakan kasih anda kepada satu sama lain (pasangan, anak-anak, adik-beradik anda) dan sebaliknya?
2. Bagaimana anda mengekalkan hubungan kasih anda dengan satu sama lain?

12 Mendidik Anak-anak

“Isterimu akan menjadi seperti pohon anggur yang subur di dalam rumahmu; anak-anakmu seperti tunas pohon zaitun sekeliling mejamu!” (Mazmur 128:3).

Samuel Taylor Coleridge sedang bercakap dengan seorang wanita yang mempertahankan idea bahawa anak-anak tidak sepatutnya mempunyai ajaran agama; mereka harus dibiarkan bertumbuh “secara semulajadi”, supaya mereka akan menjadi lebih matang; membuat keputusan-keputusan yang rasional, kerana mereka akan tahu dengan lebih baik apa yang mereka lakukan. Falsafah ini kelihatan munasabah, tetapi beberapa perkara tertentu mungkin kelihatan munasabah namun merupakan satu tanggapan yang salah.

Coleridge mendengar sementara wanita itu sedang bercakap, sementara dia lebih banyak mendiamkan diri. Kemudian dia menjemput wanita itu berjalan di sekitar taman. Dia memimpinnya ke suatu tempat dalam taman itu di mana rumpai bertumbuh. “Apa pendapat kamu tentang taman saya?” tanya penyair itu. “Indah bukan?”

“Taman? Kamu panggil ini taman? Bagi saya, saya akan katakan ia adalah satu tempat untuk menanam rumpai,” balasnya.

Coleridge menerangkan, “beberapa bulan yang lalu saya memutuskan untuk membiarkan rumpai-rumpai itu bertumbuh sebagaimana mereka inginkan, sehingga mereka mencapai kematangan.” Tiba-tiba tetamunya memahami maksudnya.

Saya mempunyai saudara mara yang menyokong falsafah pengasuhan kebebasan penuh tanpa campur tangan ini. Adalah tidak mengejutkan apabila anak-anak mereka tidak menerima sebarang agama apabila mereka menjadi dewasa. Ibu bapa nampaknya seperti telah lupa bahawa mereka pernah mempertahankan dan mengamalkan falsafah ini. Hari ini mereka menyesali hakikat bahawa anak-anak mereka bergurau tentang agama dan tidak mempunyai kesungguhan moral. Mereka memberontak melawan segala kekuasaan.

Mengajar prinsip-prinsip Kristian kepada anak-anak kita tidak menjamin bahawa mereka akan mengamalkannya. Lagi pun, manusia diciptakan dengan kuasa untuk memilih dan malangnya sesetengah orang membuat pilihan yang salah (lihat Yos 24:15 dan Roma 14:12). Tetapi pendidikan yang secara sengaja meningkatkan kemungkinan. Jika, walaupun dengan bimbingan Kristian, anak-anak masih memilih jalan yang salah, sekurang-kurangnya ibu bapa masih tahu bahawa mereka telah melakukan yang terbaik yang mampu mereka lakukan.

– Donald and Mansell and Vesta West Mansell, *Sure as the Dawn*, ms. 273

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Salah satu pengalaman ibu bapa yang paling mencabar ialah mengasuh anak-anak. Menyampaikan nilai-nilai keluarga dan nilai-nilai hidup kepada anak-anak adalah salah satu perkara yang paling sukar dilakukan. Nilai-nilai rohani harus diajar semasa tahun-tahun awal kehidupan. Mengabaikan ini akan membawahkan pengaruh negatif kepada hidup anak-anak kita.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah nilai-nilai yang kita mahu amalkan dalam keluarga kita?
2. Bagaimanakah kita boleh membuatkan nilai-nilai itu nyata dalam kehidupan harian kita?
3. Apakah harapan bagi ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang telah sesat?

13 Gereja Di Dalam Rumah

“Salam juga kepada jemaat di rumah mereka” (Roma 16:5).

Di sebuah negara Asia, seorang perempuan muda berbangsa Jepun dijemput untuk menghabiskan masa cutinya di rumah seorang wanita Kristian. Pada akhir percutian itu wanita itu bertanya apakah tetamunya senang menikmati cara hidup orang-orang di dunia barat. “O, saya menyukainya! Rumah kamu sangat cantik! Tetapi,” katanya dengan mata yang memandang jauh seperti melamun, “ada sesuatu yang saya lihat tidak ada yang membuatkan rumah kamu kelihatan aneh. Saya menghadiri gereja kamu dan melihat kamu menyembah Tuhan kamu di sana; tetapi, saya tidak melihat Tuhan kamu dalam rumah kamu. Di negara saya kami mempunyai satu tempat untuk dewa-dewa kami dalam setiap rumah. Dewa-dewa kami selalu ada bersama kami. Adakah kamu menyembah Tuhan kamu di rumahmu?”

Hari ini banyak rumah-rumah Kristian yang lebih sekular dan tanpa Tuhan. Orang-orang terperangkap dalam usaha untuk kelangsungan hidup. Tekanan bekerja dalam banyak rumah tangga untuk menjauhkan orang daripada amalan kebaktian. Program-program televisyen dan drama-drama bersiri ditonton dengan keseronokan. Hiburan bersaing dengan meluangkan waktu bersama Tuhan. Rumah tidak lagi menjadi sebuah gereja untuk keluarga. “Saya tidak melihat ada Tuhan di dalam rumah kamu.” Kata-kata perempuan Jepun itu menunjukkan bahawa dia tidak merasakan kehadiran Tuhan di dalam rumah Kristian tersebut.

Sebagai ibu bapa, tugas dan hak istimewa kita ialah mengajar anak-anak kita jalan hidup di dalam Yesus. “Mereka harus dibimbing dengan hati-hati, dengan bijak, dengan lembut ke dalam jalan-jalan pelayanan yang sama seperti Kristus. Kita berada di bawah perjanjian kudus dengan Tuhan untuk membesarkan anak-anak kita untuk pelayanan-Nya. Untuk mengelilingi mereka dengan pengaruh-pengaruh yang sedemikian rupa yang akan memimpin mereka untuk memilih kehidupan pelayanan, dan memberikan mereka latihan yang diperlukan, adalah tugas pertama kita” (The Adventist Home, ms. 484).

Paulus menemukan salah seorang daripada rakan sekerjanya yang terbaik dalam diri Timotius, yang berasal dari rumah tangga yang menghormati Tuhan. Dan dia menulis: “Sebab aku teringat akan imanmu yang tulus ikhlas, yaitu iman yang pertama-tama hidup di dalam nenekmu Lois dan di dalam ibumu Eunike dan yang aku yakin hidup juga di dalam dirimu” (2 Tim 1:5). Terdapat rumah tangga yang menghasilkan penjahat, penjenayah, dan orang-orang yang tidak berguna. Terdapat rumah tangga yang lain yang menghasilkan para lelaki dan wanita yang bernilai kepada masyarakat. Mereka adalah orang-orang gergasi di dalam iman seperti Timotius. Para ibu bapa adalah wakil-wakil yang digunakan oleh Tuhan untuk membantu membangun tabiat anak-anak mereka. Apakah Tuhan ada di dalam rumah anda?

– Enoch de Oliveira, BomDiaSenhor, ms. 171

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Secara ideal, sebuah rumah tangga Kristian harus menjadi satu tempat di mana ahli-ahli keluarga tinggal bersama dengan para malaikat dan Tuhan sendiri. Muzik Kristian dimainkan; kata-kata penuh kasih sayang didengar; perbuatan-perbuatan baik dilihat; dan tabiat Pencipta kita ditunjukkan dalam kehidupan harian kita.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Dalam cara apakah kita boleh menunjukkan bahawa rumah kita adalah satu tempat di mana Yesus mahu tinggal?
2. Bagaimana kita boleh menjadi kuat di dalam iman kita?
3. Dalam apakah aspek kehidupan anda yang anda mahu bertumbuh dalam hubungan anda dengan Yesus?

14 Mengapa Perkahwinan Gagal?

“Karena itu, apa yang telah dipersatukan Allah, tidak boleh diceraikan manusia” (Markus 10:9).

Kita semua berasa sedih dan sesal apabila seseorang yang kita kenal berpisah dengan pasangannya. Fikiran kita mengingati hari perkahwinan dan sumpah perkahwinan pasangan itu. Kenangan mengingatkan kembali kepada jambangan bunga, perarakan perkahwinan, pesta perkahwinan dan kemasukan pengantin perempuan. Ia adalah satu saat sukacita dan menggembirakan. Sementara pasangan pengantin itu berdiri di hadapan mazbah perkahwinan, pastor memberikan mereka kata-kata nasihat. Sesetengah daripada kita ingin menambahkan nasihat kita kepada nasihat pastor – kita yang telah berkahwin selama 15, 20, 40 tahun. Kita boleh membantu mereka, kerana mereka benar-benar tidak biasa dengan segala drama dan peperangan yang mereka akan hadapi di masa depan.

Rumah tangga selalunya hancur setelah suatu tempoh waktu, bukan secara tiba-tiba sekaligus. Ia sering kali merupakan pengumpulan rasa tidak puas hati, salah faham dan kejengkelan-kejengkelan kecil yang berkembang. Kemudian tiba-tiba, seorang memutuskan bahawa mereka tidak lagi dapat bertoleransi dengan yang satu lagi. Mereka telah kehilangan semua rasa hormat terhadap satu sama lain! Sungguh satu tragedi! Bahkan tragedi yang lebih besar lagi adalah apabila seorang pasangan tidak mempunyai petunjuk sama sekali bahawa perkahwinan itu sedang hancur. Seseorang mengatakan bahawa perkahwinan adalah seperti kesihatan kita: anda terasa kehilangannya hanya apabila anda kehilangannya. Kita sering mendengar orang berkata: “Perkahwinan kami telah gagal.” Bukan perkahwinan yang gagal, tetapi para pasangan yang gagal selepas majlis perkahwinan.

Perceraian adalah satu realiti di negara-negara di seluruh dunia. Statistik semakin bertambah, tetapi salah satu kesakitan hati yang paling diabaikan datang kepada anak-anak yang ibu bapanya telah bercerai. Mereka adalah mangsa sebenar. Isteri saya, Lucia, adalah seorang guru dalam pengkhususan pelajar-pelajar yang menghadapi disleksia. Dia melihat drama itu secara dekat, tentang ibu bapa yang bercerai, melalui pelajar-pelajar yang dia layani. Nilai gred mereka rendah; anak-anak ini tidak berminat dalam pelajaran dan mereka tidak mahu mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Mereka marah, sedih dan trauma. Dr. Kenneth Johnson dari Universiti Columbia pernah berkata: “Bayangkan 300,000 kanak-kanak (hari ini terdapat lebih daripada satu juta) diserang dalam satu tahun oleh penyakit yang membunuh. Anak-anak itu, buah dari perceraian, akan menjadi lumpuh dan trauma secara emosi. Dibandingkan dengan impak perceraian, kemungkinan kecacatan fizikal adalah agak kecil.”

Bercakap tentang anak-anak mangsa perceraian, sebuah petikan dari Los Angeles Times pernah menyatakan, “Jatuh cinta, bertunang dan berkahwin semuanya adalah keputusan yang serius. Namun kebanyakan orang muda memasuki kehidupan perkahwinan dengan kurang peduli berbanding seseorang yang memilih pasangan untuk menjalankan kereta popcorn. Keghairahan seksual, yang biasa kepada semua haiwan, mengambil tempat cinta dan kasih sayang.”

Seseorang telah menyebutkan empat jurang pemisah yang memusnahkan di dalam rumah tangga: Jurang masa, apabila pasangan tidak mengambil masa untuk kebaktian keluarga. Jurang wang, apabila wang tidak diurus dengan penatalayanan Kristian yang sebenar. Jurang kehidupan sosial di luar rumah, apabila kedua-dua pasangan menghabiskan lebih banyak masa bersama kawan-kawan dan mengkritik pasangan mereka di hadapan orang lain. Dan jurang hubungan rumah tangga yang terakhir: apabila kedua-dua mengabaikan untuk memupuk cinta melalui perhatian-perhatian kecil, gagal untuk melindungi tanaman cinta yang indah, yang harus bertumbuh dan menyatakan semua keharuman dan kegembiraan kristus yang tinggal di dalam rumah tangga itu.

“Dia memberikan kasih kurnia untuk kasih kurnia. Tidak akan ada kekurangan bekalan di sana” (The Desire of Ages, ms. 148).

-LeoRanzolin, Jesus, the Morning Dew, ms. 178

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Perkahwinan harus diambil dengan serius. Ia adalah sebuah hubungan yang indah di antara lelaki dan perempuan yang Tuhan telah berkati. Perkahwinan harus dipupuk seperti bunga yang cantik untuk dapat bertumbuh dan menyatakan semua keharuman sukacita Tuhan.

SOALAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Bagaimana kita boleh membuatkan perkahwinan bertahan seumur hidup?
2. Apa yang kita boleh lakukan untuk membantu anak-anak kita bertumbuh menjadi matang secara emosi, rohani, fizikal, mentel?
3. Mengapa kita perlu lebih banyak masa bersama keluarga kita?

15 Kebaktian Keluarga Tidak Boleh Diabaikan

“Percayalah...pada Allah yang dalam kekayaan-Nya memberikan kepada kita segala sesuatu untuk dinikmati” (1 Timotius 6:17).

Kita seharusnya menjadi lebih gembira dan lebih berguna, jika kehidupan rumah tangga dan perhubungan sosial kita dikendalikan oleh prinsip-prinsip agama Kristian, dan mengilustrasikan kerendahan hati dan kesederhanaan Kristus... biarlah para tetamu melihat bahawa kita cuba membuatkan semua orang di sekeliling kita gembira melalui keceriaan, simpati dan kasih kita.

Sementara kita berusaha untuk menjamin keselesaan dan kebahagiaan para tetamu kita, marilah kita jangan mengabaikan kewajipan kita kepada Tuhan. Jam berdoa tidak sepatutnya diabaikan atas apa pun pertimbangan.... Pada awal malam ketika anda boleh berdoa dengan tidak tergesa-gesa dan dengan pengertian, sampaikan permohonan anda, dan angkat suara anda dalam pujian yang gembira dan penuh kesyukuran. Biarlah semua orang yang melawat rumah Kristian melihat bahawa jam doa adalah yang paling suci, paling berharga, dan jam yang paling gembira dalam sehari. Contoh sedemikian rupa pasti memberi kesan.

Masa kebaktian ini memberi pengaruh yang menghaluskan dan mengangkat ke atas semua yang mengambil bahagian di dalamnya. Pemikiran yang benar dan keinginan-inginan yang baru dan lebih baik akan dibangunkan dalam hati orang yang paling cuai. Jam berdoa membawa damai sejahtera dan rehat kepada jiwa yang penat; kerana suasana sebuah rumah tangga Kristian adalah kedamaian dan ketenangan.

Dalam setiap tindakan, Kristian harus berusaha untuk mewakili Tuannya, untuk menjadikan pelayanan-Nya kelihatan menarik....

Sembilan persepuluh daripada ujian dan kebingungan yang begitu banyak orang bimbangkan adalah sama ada khayalan, atau dibawa ke atas diri mereka sendiri oleh haluan salah mereka sendiri. Mereka harus berhenti bercakap tentang ujian-ujian ini, dan berhenti membesar-besarkan mereka. Kristian harus menyerahkan setiap kekecewaan, setiap perkara yang mengganggu kepada Tuhan. Tidak ada yang terlalu kecil bagi Juruselamat kita yang penuh belas kasihan untuk diperhatikan; tidak ada yang terlalu besar bagi Dia untuk diangkat. Maka marilah kita mengatur hati dan rumah kita; marilah kita mengajar anak-anak kita bahawa takut akan Tuhan adalah permulaan pengetahuan; dan marilah kita melalui kehidupan yang ceria, gembira dan teratur, mengekspresikan perasaan bersyukur dan kasih kita kepada-Nya “yang dalam kekayaan-Nya memberikan kepada kita segala sesuatu untuk dinikmati” (1 Tim 6:17). Tetapi lebih daripada segalanya, marilah kita menetapkan fikiran dan kasih hati kita kepada Juruselamat yang dikasihi yang telah menderita untuk manusia berdosa, dan dengan demikian telah membuka syurga bagi kita.

Kasih kepada Yesus tidak dapat disembunyikan, tetapi akan membuatkan dirinya dilihat dan dirasakan. Ia mengenakan kuasa yang ajaib. Ia membuatkan orang yang penakut menjadi berani, yang pemalas menjadi rajin, yang jahil menjadi bijak. Ia membuatkan lidah yang gagap menjadi fasih, membangkitkan intelek yang tidak aktif kepada hidup dan semangat yang baru.

Ia menjadikan yang lemah hati berpengharapan, yang muram bersukacita. Kasih kepada Kristus akan membawa pemilik kasih itu untuk menerima tanggungjawab dan kesusahan demi Kristus, dan untuk menanggung semua itu dalam kekuatan-Nya.

– Ellen G. White, *Our Father Cares*, ms. 297

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Satu cara untuk bersekutu dengan Pencipta kita ialah melalui kebaktian keluarga. Dengan mempelajari Alkitab, kita memahami kehendak-Nya. Apabila kita mengabaikan kebaktian keluarga, kita kehilangan keterhubungan kita dengan Tuhan.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Mengapa kebaktian keluarga itu penting kepada kita sebagai sebuah keluarga?
2. Bagaimana kebaktian keluarga membawa perubahan positif dalam hidup anda?
3. Apakah lagi yang boleh kita lakukan untuk menjadi kebaktian keluarga kita ringkas, menarik dan bermakna?

16 Kasih Tidak Menyimpan Kesalahan Orang Lain

“Kasih itu sabar; kasih itu murah hati; ia tidak cemburu. Ia tidak memegahkan diri dan tidak sombong” (1 Korintus 13:4).

Hari ini kita akan bercakap tentang cemburu. Apa itu cemburu? Ia adalah satu perasaan yang menyakitkan hati bagi orang yang merasakannya, membawa mereka di luar kawalan emosi mereka. Secara umum, cemburu dinyatakan melalui keinginan untuk memiliki orang lain yang mereka fikir mereka cintai. Ia diikuti dengan perasaan takut akan kehilangan orang ini. Walaupun, pada pandangan pertama, cemburu mungkin kelihatan seperti satu perasaan yang indah dan romantik, ia sebenarnya satu cara berfikir yang sakit. Ia sangat merosakkan dan mencegah pertumbuhan kasih dan kedamaian yang sebenar.

C.Diane pernah berkata: “Cemburu adalah cacing kebencian dalam kasih; kadang-kadang ia membunuh, tetapi ia selalu menyakitkan.” Ini adalah satu definisi yang baik. Cemburu tinggal di dalam rumah di mana kebencian bercambah. Jarak yang memisahkan cemburu dan kebencian adalah tidak kelihatan. Secara umum, mereka yang membenarkan cemburu menguasai hidup mereka kehilangan kawalan emosi mereka. Mereka dengan mudah dituntun kepada kelakuan yang ekstrim. Ketika mereka menyedari apa yang mereka telah lakukan, ia mungkin sudah terlalu lambat.

Dengan kata-kata yang sangat sesuai, Rasul Paulus menulis bahawa kasih yang sejati “tidak melakukan yang tidak sopan dan tidak mencari keuntungan diri sendiri. Ia tidak pemarah dan tidak menyimpan kesalahan orang lain”(1 Kor 13:5).

Betapa dalamnya perbezaan di antara kasih yang sejati dan jenis kasih yang dinyatakan oleh seseorang yang dikelilingi oleh pencakar cemburu yang tajam. Cemburu adalah mementingkan diri dan suka memiliki. Kasih yang sejati adalah tidak mementingkan diri. Oleh itu, orang yang cemburu hanya mencari keuntungan mereka sendiri. Orang yang benar-benar mengasihi memandang demi kepentingan orang lain dan dalam cara yang sangat istimewa demi keuntungan orang yang mereka kasihi. Kasih yang sebenar adalah tidak pemarah dan tidak menyimpan kesalahan orang lain.

Kita boleh mengelakkan banyak kejahatan dengan tidak membenarkan percikan api cemburu memasuki hati kita. Kerana percikan yang paling kecil sekalipun boleh menyalakan api yang besar.

Lebih baik berhati-hati daripada menjadi cuai dan menyesal di kemudian hari. Kita perlu banyak pertolongan Ilahi supaya kasih yang sejati akan bertakhta di dalam hati.

– Daily Meditations, ms. 23

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Cemburu boleh menuntun kepada kemusnahan. Jika kita melihat kembali kepada apa yang telah berlaku di syurga, kita melihat Syaitan telah dibuang ke bumi kerana cemburu. Akhirnya,

ini mengakibatkan kemusnahan manusia. Jika kita benarkan cemburu masuk ke dalam rumah tangga kita, ia akan memusnahkan hubungan keluarga.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Senaraikan kesan-kesan cemburu yang jahat.
2. Apa yang akan saya lakukan untuk menghindari cemburu?
3. Bagaimana kita boleh menunjukkan kasih dan kebaikan kepada satu sama lain.

17 Keharmonian Rumah Tangga

“Israel lebih mengasihi Yusuf dari semua anaknya yang lain, sebab Yusuf itulah anaknya yang lahir pada masa tuanya; dan ia menyuruh membuat jubah yang maha indah bagi dia” (Kej 37:3).

Sebagaimana ia berlaku dalam banyak keluarga, keluarga Yakub mempunyai masalah. Yusuf adalah anak kesayangan. Pada suatu hari, bapanya memberikan dia jubah yang berwarna-warni sebagai hadiah. Rasa cemburu abang-abangnya telah berkembang selama beberapa waktu dan ini adalah kejengkelan terakhir yang membuatkan mereka hilang sabar.

Ketika mereka menggembalakan kawanan domba bapa mereka di sebuah padang, mereka merancang komplot apa yang mereka boleh lakukan untuk mengakhiri sikap bapa mereka yang lebih menyukai Yusuf. Apabila Yusuf datang untuk memeriksa saudara-saudaranya, membawa makanan yang dikirimkan oleh bapanya, mereka melaksanakan rancangan mereka. Walaupun semua saudara-saudara Yusuf tidak sepakat, namun Yusuf masih dijual sebagai hamba dan pergi ke Mesir ketika baru berusia 17 tahun.

Adalah tidak mudah bagi ibu bapa untuk memperlakukan anak-anak mereka dengan sama rata. Setiap anak lelaki atau anak perempuan mempunyai ciri-ciri individunya yang tersendiri. Mereka berbeza dalam umur, kegemaran, kesihatan dan tingkah laku. Dan ini boleh memimpin ibu bapa untuk membuat pilihan-pilihan yang berbeza bagi setiap anak-anak mereka. Bagaimana kita mendekati seorang anak mungkin tidak berhasil dengan baik bagi anak yang lain.

Pada titik inilah ibu bapa harus menggunakan akal yang sihat. Tidak ada yang lebih baik daripada bimbingan Ilahi dan perbincangan terbuka untuk menggalakkan kefahaman di antara anak-anak dan ibu bapa. Perbualan yang hati-hati boleh membantu seorang anak memahami bahawa adik yang lebih kecil yang sakit akan memerlukan lebih kelembutan, kasih sayang dan penjagaan. Walaupun begitu, ibu bapa harus mengelakkan daripada menunjukkan keutaman yang istimewa untuk satu orang anak. Ini boleh menyebabkan kecederaan yang serius kepada pembentukan tabiat anak-anak, kerana apabila mereka menghadapi masalah hidup, seorang anak boleh berterusan memerlukan pertolongan dan tidak berdikari. Adik-beradik mereka yang cemburu akan cenderung untuk membesar dengan sentiasa memberontak terhadap sesuatu dan terhadap semua orang.

Apabila ibu bapa menunjukkan kasih yang seimbang dan munasabah kepada anak-anak mereka, mereka menggalakkan persekitaran yang menyenangkan, damai dan harmoni. Kemudian rumah itu menjadi satu tempat di mana malaikat-malaikat Tuhan gembira untuk hadir.

– Daily Meditations, ms. 126

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Setiap anak lelaki dan anak perempuan mempunyai ciri-ciri individunya yang tersendiri. Walaupun tidak mudah, ibu bapa harus melayan anak-anak mereka secara sama rata untuk menggalakkan persekitaran yang damai dan harmoni.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Sebagai seorang anak lelaki/perempuan, apa yang membuatkan anda berasa cemburu atau berasa ditiadakan dalam keluarga?
2. Bagaimana ibu bapa boleh mengelakkan pilih kasih dalam rumah tangga?
3. Bagaimana ibu bapa dan anak-anak boleh mempromosikan keharmonian dalam rumah tangga?

18 Dialog Rumah Tangga

“Buanglah mulut serong dari padamu dan jauhkanlah bibir yang dolak-dalik dari padamu” (Amsal 4:24).

Bertahun-tahun dahulu, saya membaca satu artikel yang menarik dalam surat khabar dari Porto Velho, Brazil, yang dipanggil “Kebahagiaan Perkahwinan” (Marital Happiness) ditulis oleh CilioBocannera. Dia menyebutkan tentang karya yang dibentangkan oleh Profesor Howard Markman dari Universiti Denver semasa sebuah konferens bagi para pakar dalam terapi perkahwinan di London. Dia menyatakan bahawa “cara pasangan bertengkar mendefinisikan sejauh mana kejayaan perkahwinan itu kelak.” Iaitu, “taktik-taktik yang suami dan isteri gunakan dalam pertengkaran mereka adalah satu petunjuk yang baik kepada kemungkinan perceraian.”

Adalah menarik bahawa Profesor Markman mempelajari satu ribu pasangan yang kerap bertengkar. Dia kemudian menyimpulkan bahawa pasangan yang paling berisiko terancam adalah mereka yang melarikan diri dari pertengkaran dan mereka yang membenarkan perkara-perkara kecil menjadi pertikaian yang besar. Kita tahu bahawa ini sangat biasa berlaku. Terdapat pasangan suami isteri yang berselisih tentang di mana mahu letakkan sabun di dalam kamar mandi atau tentang bagaimana memicit tiub ubat gigi. Mereka membenarkan perselisihan-perselisihan kecil untuk mempengaruhi hal-hal lain yang lebih penting dalam hidup. Akhirnya, hubungan itu berakhir dalam perpisahan dan perceraian. Bahkan kadang-kadang kesilapan-kesilapan yang lebih membawa padah dibuat.

Profesor Markman menyebutkan sesuatu yang memerlukan renungan yang serius dan mendalam. Dia berkata, “Satu penghinaan atau kesalahan terhadap orang lain memadamkan lima, sepuluh atau kadang-kadang lebih daripada dua puluh tindakan kebaikan dalam sebuah hubungan.”

Jika pasangan suami isteri sedang memikirkan tentang perpisahan, mereka harus berhenti dan memikirkan tentang hati anak-anak yang akan dilukai, ketiadaan bapa atau ibu dari anak-anak mereka, kekurangan sokongan, nasihat dan persahabatan yang disebabkan oleh perceraian. Pasangan suami isteri harus berfikir dengan teliti tentang bagaimana pilihan-pilihan mereka akan memberi impak kepada orang lain.

Sebagai makhluk yang rasional dan bijak, kita harus mengurangkan masa bertengkar mengenai perkara-perkara kecil dan lebih berfokus kepada mendengar. Usahakan untuk memahami sudut pandangan pasangan anda. Sekalipun anda tidak bersetuju dengan perspektif mereka, cubalah untuk mengekalkan kebahagiaan dan kedamaian dalam rumah tangga anda. Relalah untuk melepaskan posisi anda. Belajar untuk bertoleransi. Cuba untuk mencapai satu titik persetujuan.

Tidak ada pengganti untuk kesan positif daripada kata-kata yang baik dan tindakan-tindakan kasih yang diinsprasikan oleh kasih Tuhan di hati mereka yang berada dalam lingkungan rumah tangga kita.

—Daily Meditations, ms. 152

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Dengan komunikasi yang positif dan berterusan dalam rumah tangga, ahli-ahli keluarga boleh tinggal bersama dalam kedamaian dan keharmonian.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Bagaimanakah perasaan anda apabila ibu bapa dan/atau anak-anak bertengkar dengan satu sama lain?
2. Jika diberi pilihan, apakah perkataan yang paling baik untuk menerangkan tentang keluarga anda?
3. Mengapa dialog keluarga yang tetap itu penting?

19 Anak-anak Yang Hilang Atau Ibu Bapa Yang Hilang

“Lalu orang membawa anak-anak kecil kepada Yesus, supaya Ia menjamah mereka; akan tetapi murid-murid-Nya memarahi orang-orang itu. Ketika Yesus melihat hal itu, Ia marah dan berkata kepada mereka: "Biarkan anak-anak itu datang kepada-Ku, jangan menghalang-halangi mereka, sebab orang-orang yang seperti itulah yang empunya Kerajaan Allah" (Markus 10:13, 14).

Dalam sebuah pasar raya besar sistem PA pernah membuat pengumuman yang menarik ini: “Kami mempunyai di meja hadapan seorang budak lelaki yang berkata bahawa bapanya telah hilang dan tidak dapat menemukan dia.”

Ada satu lagi cerita tentang satu pasangan yang menyedari pada suatu pagi bahawa anak lelaki kecil mereka telah hilang dari rumah. Ibu bapa itu panik sementara mereka mencari dia. Mereka memberitahu jiran tetangga, kawan-kawan dan polis untuk membantu mencari anak tersebut.

Setiap rumah di kejiranan itu diperiksa. Ladang-ladang dan hutan diperiksa. Mereka tidak dapat menemukan satu jejak pun dari anak kecil itu.

Pada pagi ini, suatu pagi di mana keluarga itu biasanya meninggalkan rumah dan menghadiri mesyuarat, seseorang mencadangkan agar mereka memeriksa tempat mesyuarat ini. Memang benar, di sana duduk budak lelaki itu secara senyap-senyap memegang satu mainan kecil di tangannya yang dia bawa dari rumah. Ibu bapa itu memeluknya dan berasa sangat lega. Ibu, mengelap air mata dari matanya, berseru, “Anakku yang berharga, kamu telah hilang tetapi sekarang kamu telah ditemukan!”

Anak kecil itu memandang kepada ibunya dan membalas, “Ibu, saya tidak hilang. Saya berada di gereja.”

Dua cerita ini lebih berbicara tentang ibu bapa yang hilang daripada anak-anak yang hilang. Setiap anak, dalam kesucian dan kemurnian mereka, mempunyai keinginan semulajadi untuk bersama Tuhan. Banyak kali ibu bapa dan orang-orang dewasa memotong perkembangan rohani anak itu apabila mereka tidak membenarkan anak-anak mengembangkan keinginan mereka untuk mengikuti Yesus.

Mungkin itulah sebabnya mengapa Yesus tidak gembira apabila murid-murid-Nya menahan anak-anak itu: “Ketika Yesus melihat hal itu, Ia marah dan berkata kepada mereka: ‘Biarkan anak-anak itu datang kepada-Ku, jangan menghalang-halangi mereka, sebab orang-orang yang seperti itulah yang empunya Kerajaan Allah’” (Markus 10:14). Marilah kita memikirkan secara serius tentang amaran ini!

-Daily Meditations, ms. 165

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Tuhan meletakkan nilai yang tinggi ke atas kanak-kanak. Disebabkan ini dan juga kerana kasih kita kepada mereka, kita tidak mahu bahaya datang menimpa mereka. Untuk melindungi mereka daripada kesan-kesan yang merosakkan akibat pilihan-pilihan negatif mereka, ibu bapa yang penyayang akan mendisiplinkan anak-anak mereka.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Pernahkah anda hilang? Bagaimana perasaan anda?
2. Mengapa kita perlu untuk memuridkan anak-anak ketika mereka masih kecil?
3. Dalam cara apakah ibu bapa memotong keinginan semulajadi anak-anak mereka untuk mengikuti Yesus?

20 Apa Yang Mereka Lihat Di Rumahmu

“Lalu tanyanya lagi: ‘Apakah yang telah dilihat mereka di istanamu?’ Jawab Hizkia: ‘Semua yang ada di istanaku telah mereka lihat. Tidak ada barang yang tidak kuperlihatkan kepada mereka di perbendaharaanku’” (Yesaya 39:4).

Raja Hizkia sakit dengan satu penyakit yang serius, tetapi Tuhan mendengar doanya dan memulihkan kesihatannya. Apabila Yesaya memberitahu raja bahawa dia akan menjadi objek kasih kurnia Ilahi, dia juga memberi Hizkia satu tanda. Dia memberitahu bahawa bayang-bayang pada penunjuk matahari di tangga istana akan undur ke belakang sepuluh tapak. Fenomena yang ajaib ini diperhatikan dari Mesopotamia yang jauh. Raja Babel, Merodakh-Baladan menghantar utusan untuk menyapa Hizkia atas kesembuhannya. Kita tahu Merodakh-Baladan mempunyai niat yang lain. Dia mahu Hizkia menjadi sekutunya untuk berperang melawan Asyur. Berasa dihormati atas lawatan para utusan itu, Hizkia tidak teragak-agak untuk menunjukkan kepada mereka semua harta dan gudang senjatanya. Tidak menyedari bahawa dia sedang diuji, Hizkia benar-benar telah gagal. Penulis buku Tawarikh berkata: “ketika itu Allah meninggalkan dia untuk mencobainya, supaya diketahui segala isi hatinya” (2 Taw 32:31). Pada waktu ini nabi datang kepada raja dan menanyakan soalan dalam teks pembuka kita: ‘Apakah yang telah dilihat mereka di istanamu?’

Soalan yang sama itu ditanyakan kepada kita oleh malaikat-malaikat selepas kita mempunyai tatamu di rumah kita sendiri. Mereka juga bertanya, “Apakah yang telah dilihat mereka di rumahmu?” Apa yang orang lihat di rumah kita boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan: Pertama, dalam sesetengah rumah orang paling banyak melihat harta benda. Mereka melihat perabot mewah, langsir indah dan barang-barang perak yang mengagumkan. Rumah-rumah sedemikian adalah seperti muzium, tetapi lebih lagi. Kedua, terdapat sesetengah rumah di mana para tetamu paling melihat orang-orang yang tinggal di dalam rumah tersebut. Mungkin mereka melihat penghuni rumah yang lemah lembut; suri rumah yang bertalenta atau sombong; anak-anak yang kadang-kadang menguasai ruang bilik seperti pemerintah zalim yang kecil. Dan akhir sekali, terdapat rumah di mana para tetamu paling terkesan, bukan oleh barang-barang atau oleh orang-orang, tetapi oleh suasana rumah itu. Mungkin ia dipenuhi dengan damai sejahtera dan kebaktian. Para tetamu meninggalkan rumah-rumah yang sedemikian dengan didorong dalam iman mereka kepada Tuhan. Mereka merasakan dalam rumah-rumah ini kehadiran para malaikat.

Pada suatu kesempatan, orang-orang Yunani yang melawat ke Yerusalem pergi kepada salah seorang murid dengan satu permintaan yang mendesak: “Tuan,” kata mereka, “kami ingin bertemu dengan Yesus” (Yohanes 12:21). Mungkinkah banyak orang yang melawat ke rumah kita ingin “bertemu dengan Yesus?” Haruskah kita mengecewakan mereka?

Hizkia telah kehilangan satu kesempatan yang indah untuk memberi kesaksian tentang Yesus dan mengenai berkat besar yang dia telah terima daripada-Nya. Adakah kita akan membuat kesilapan yang sama? Mari kita tanyakan diri kita soalan, “Apakah yang telah dilihat mereka di rumahku?”

UNTUK RENUNGAN:

Pemikiran Utama:

Sebuah keluarga harus menjadi kesaksian yang hidup akan kebaikan Tuhan kepada orang lain. Biarlah setiap ahli keluarga memantulkan tabiat yang sama seperti Tuhan melalui hubungan yang bersemangat dan bertumbuh dengan Dia.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Adakah anda menganggap diri anda sebagai seorang duta Kristus? Mengapa?
2. Apakah yang anda ingin orang lain lihat di rumahmu?
3. Bagaimana anda menjadikan rumah anda satu terang kepada dunia?

21 Masa Untuk Anak-anak

“Hai bapa-bapa, janganlah sakiti hati anakmu, supaya jangan tawar hatinya” (Kolose 3:21).

Saya percaya tidak ada yang lebih menjengkelkan kepada seorang anak daripada menjadi anak yatim kepada seorang bapa yang masih hidup. Ya, jangan terkejut dengan komen ini! Dengarkan cerita ini:

Selepas satu hari yang sibuk di pejabat, seorang bapa sedang berehat. Dia sedang duduk dengan selesa di atas sofa di ruang tamu membaca surat khabar. Pada saat itu anak lelakinya yang pra remaja memasuki bilik itu. Dia menyentuh bahu bapanya dan berkata: “Bapa, bapa!”

Bapanya, yang tidak dapat melarikan matanya dari surat khabar, berkata: “Apa yang kamu mahu, Anak? Berapa banyak yang kamu mahu?” Budak lelaki itu menjawab: “Bapa, saya bukan mahu wang; saya mahu kamu!”

Cerita yang sama boleh jadi dikongsi sekali dan sekali lagi, tetapi semuanya akan mempunyai satu perkara yang sama. Terdapat rumah-rumah yang tidak terhitung banyaknya di mana bapa, ibu atau kedua-duanya sangat sibuk mencari kejayaan kewangan atau kejayaan profesional sehingga mereka tidak mendedikasikan masa untuk anak-anak mereka. Ramai ibu bapa percaya bahawa kejayaan kewangan akan menyelesaikan masalah mereka. “Bapa, saya bukan mahu wang; saya mahu kamu!”

Itulah yang diminta oleh anak-anak. Kita harus memahami bahawa tidak ada masa yang lebih baik yang dihabiskan oleh seorang bapa atau ibu daripada masa yang didedikasikan kepada anak-anak mereka. Untuk menjawab permintaan ini, ia memerlukan perancangan dan keazaman dari ibu bapa untuk mengutamakan perhatian yang anak-anak mereka berhak mendapat.

Saya katakan perancangan kerana ibu bapa harus meletakkan dalam jadual harian mereka beberapa masa yang didedikasikan kepada anak-anak mereka. Ini haruslah sesuatu yang suci dan penting sama seperti komitmen kerja. Ia bukan saja tentang kuantiti masa yang anda luangkan. Anda juga harus berinteraksi dengan anak-anak anda dalam cara yang berkualiti.

Ia juga memerlukan ketabahan untuk menjadikan masa bagi anak-anak sebagai satu keutamaan. Dan ingat, tidak pernah terlalu lambat untuk membaktikan masa, kasih dan kebaikan kepada anak-anak anda. Pada waktu yang tepat mereka akan mengembalikan kepada kita segala sesuatu yang kita telah laburkan dalam hidup mereka. Mereka akan mengakui bahawa kita telah memberikan mereka sesuatu yang wang tidak mampu beli – iaitu kasih.

– Daily Meditations, ms. 346

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Bagi anak-anak, kasih adalah satu perkataan empat abjad yang dieja M-A-S-A. Ibu bapa harus memasukkan dalam jadual mereka kuantiti dan masa berkualiti bersama anak-anak mereka setiap hari. Ia harus menjadi salah satu keutamaan tertinggi mereka.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Sebagai bapa atau ibu yang bekerja, bagaimana anda akan mengatur masa harian anda untuk dapat memasukkan masa yang bermakna bersama anak-anak anda?
2. Untuk ibu bapa, senaraikan cara-cara anda boleh meluangkan masa yang berkualiti dengan anak-anak anda dan untuk anak-anak, bersama dengan ibu bapa anda.

22 Sebuah Lagu Cinta

“Air yang banyak tak dapat memadamkan cinta, sungai-sungai tak dapat menghanyutkannya. Sekalipun orang memberi segala harta benda rumahnya untuk cinta, namun ia pasti akan dihina” (Kidung Agung 8:7).

Ketika saya menulis ini, tidak lama lagi akan genap 40 tahun usia perkahwinan saya dan Vesta. Penyatuan kami selama tempoh itu adalah sangat bahagia dan diberkati syurga. Kamilah orang yang mula-mula sekali mengakui bahawa itu adalah hasil pekerjaan Tuhan, dan bukan oleh kami sendiri.

Selepas Bapa syurgawi kita, bapa duniawi saya berhak menerima penghargaan yang besar untuk kebahagiaan kami. Dia tidak memiliki kelebihan dilahirkan dalam rumah tangga yang bahagia. Ayahnya dan ibunya telah bercerai ketika dia masih seorang bayi di pangkuan ibunya. Tetapi pada suatu hari bapa menyerahkan hatinya kepada Tuhan – sepenuhnya. Dia bertekad untuk melayani Tuhan... tidak lebih, tidak kurang, dan tidak ada lagi yang lain! Oleh sebab itu, Tuhan memimpin dia kepada ibu saya. Ibu sudah pun membaktikan hidupnya secara sepenuhnya kepada Tuhan. Jadi Tuhan memimpin dia kepada bapa. Tidak pernah sekali pun selama tahun-tahun itu saya melihat mereka bertengkar. Ketika saya sudah dewasa saya bertanya kepada bapa, “Pernahkah kamu bertengkar dengan Ibu?” Jawapannya mengejutkan saya.

“Ya, pernah. Tetapi kami tidak pernah bertengkar di hadapan anak-anak. Tidak ada masalah yang cukup besar yang kami tidak boleh selesaikan dengan rendah hati di atas lutut kami di hadapan salib.”

Semasa kami masih kanak-kanak membesar di rumah, ibu bapa saya menunjukkan secara terbuka kasih sayang mereka terhadap satu sama lain. Bahkan dalam usia tua mereka pun, apabila kami membawa mereka ke rumah kami, hubungan cinta mereka berterusan. Malahan cucu-cucu pun menyaksikan kasih sayang ini. Saya dan Vesta telah cuba untuk mengikuti teladan mereka sejak hari majlis perkahwinan kami. Lagi pun, hidup ini tidak pasti. Jika sesuatu terjadi kepada kami, kami mahu memori terakhir kami akan satu sama lain adalah sesuatu yang menggembirakan.

Kami sedar akan hakikat bahawa dalam dunia yang berdosa segala sesuatu boleh berubah dalam masa satu malam. Jadi jika begitulah hidup, maka kami “tidak menaruh percaya pada hal-hal lahiriah” (Fil 3:3). Kami tahu ini: “Jikalau bukan TUHAN yang membangun rumah, sia-sialah usaha orang yang membangunnya; jikalau bukan TUHAN yang mengawal kota, sia-sialah pengawal berjaga-jaga” (Mazmur 127:1). Kami tahu bahawa kami hanya selamat jika kami menyerahkan hidup kami sepenuhnya kepada Tuhan setiap saat – dan inilah yang kami telah putuskan untuk dilakukan. Semoga keputusan ini menjadi keputusan anda juga.

– Donald Mansell dan Vesta West Mansell, *Sure as the Dawn*, ms. 51

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Kejayaan perkahwinan Donald dan Vesta dikaitkan dengan meletakkan Tuhan yang pertama dalam hidup dan hubungan mereka. Kedua, teladan dari ibu bapa Donald menjadi legasi terbaik yang mereka tinggalkan kepada anak-anak dan cucu-cucu mereka.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Mengapa kehadiran Kristus penting untuk memperoleh kejayaan dalam perkahwinan?
2. Senaraikan cara-cara anda boleh meningkatkan dan memelihara hubungan perkahwinan anda.
3. Bagaimana anda menyelesaikan konflik perkahwinan dalam cara yang aman?

23 Rumah Tangga – Suatu Tempat Cinta

“Jadi bekerjalah Yakub tujuh tahun lamanya untuk mendapat Rahel itu, tetapi yang tujuh tahun itu dianggapnya seperti beberapa hari saja, karena cintanya kepada Rahel” (Kejadian 29:20).

Adakah anda menyedari bahawa apabila dua atau tiga kemalangan pesawat terbang berlaku secara berturut-turut, atau terjadi penculikan yang ganas, satu gelombang permohonan untuk mengambil lebih banyak langkah-langkah keselamatan dihasilkan oleh akhbar? Ahli-ahli politik rasa teruja dan kerajaan cuba untuk memperbaiki peraturan-peraturan keselamatan. Apabila kita melihat kepada semua rumah tangga yang hancur di dunia kita, semua anak-anak yang tidak gembira dan semua hati yang terluka dengan kesedihan yang tidak boleh diperbaiki, tidakkah anda berfikir bahawa kita memerlukan “peraturan keselamatan” untuk rumah tangga dan gereja kita?

Seorang lelaki pernah berjumpa dengan seorang kaunselor untuk membincangkan mengenai perkara-perkara terbaik yang dia boleh lakukan untuk anak-anaknya. Dia berharap untuk menerima nasihat tentang pendidikan – sekolah manakah mereka harus hadir, apa kelebihan-kelebihan budaya yang dia harus sediakan bagi mereka. Walau bagaimanapun, respons kaunselor itu mengejutkan dia. “Perkara terbaik seorang bapa boleh lakukan untuk anak-anaknya ialah mencintai ibu mereka. Anak yang tinggal di rumah di mana bapa benar-benar mencintai isterinya adalah seorang anak yang diberkati, lebih daripada seorang anak yang bapanya rela menulis cek bernilai besar.”

Jalan yang membawa dari sebuah perkahwinan yang bahagia di hadapan pastor atau hakim ke mahkamah perceraian adalah salah satu jalan yang paling tragik yang manusia jalani.

“Ikatan keluarga adalah yang paling rapat, paling lembut dan paling kudus, daripada mana-mana ikatan di dunia. Ia direka untuk menjadi berkat kepada manusia. Dan ia adalah satu berkat di mana saja perjanjian perkahwinan itu diambil dengan bijaksana, dalam takut akan Tuhan, dan dengan pertimbangan yang sewajarnya terhadap tanggungjawab-tanggungjawabnya” (The Ministry of Healing, ms. 356, 357).

Marilah kita jadikan rumah tangga kita suatu tempat cinta kasih dan damai sejahtera. Marilah kita mengongsikan kasih dan bukan sekadar menuntut kasih dari orang lain. Maka kita akan merasakan betapa baiknya berada di tempat yang bahagia.

– Daily Meditations, ms. 346

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Sebuah rumah tangga yang berpusatkan Kristus adalah perkara yang terindah di dunia. Apabila sumpah perkahwinan dilanggar, orang yang paling terjejas sering kali adalah anak-anak.

SOALAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Mengapa anak-anak tidak gembira dan sengsara apabila ibu bapa mereka berpisah?
2. Bagaimana seorang suami, isteri dan anak-anak mereka boleh menyumbang untuk menjadikan rumah itu satu rumah tangga yang penuh kasih dan damai?

24 Rumah Tuhan

“Aku bersemayam di tempat tinggi dan di tempat kudus tetapi juga bersama-sama orang yang remuk dan rendah hati, untuk menghidupkan semangat orang-orang yang rendah hati dan untuk menghidupkan hati orang-orang yang remuk” (Yesaya 57:15).

Pada tahun 1791 seorang anak lelaki bernama John Howard Payne dilahirkan di Kota New York. Dia menjadi seorang pelakon yang terkenal, bukan saja di Amerika Syarikat tetapi juga di England dan Perancis. Dari 1842 hingga 1845 dan sekali lagi pada 1851 dan 1852, dia merupakan seorang konsul warga Amerika di Tunisia di Afrika Utara. Dia mati ketika berkhidmat di sana dan dikuburkan di tempat yang sama. Tetapi tiga puluh tahun kemudian, pada 1882, tubuhnya dibawa balik ke Amerika dan dikuburkan di kalangan orang-orang terkenal di perkuburan Dumbarton Oaks di ibu kota negara.

Pada hari penguburannya, di Washington D.C., Kongres dan Mahkamah Tinggi menghentikan aktiviti kebiasaan mereka untuk memberi penghormatan kepada upacara itu. Bahkan presiden, penolong presiden dan ahli-ahli kabinet mengikuti pengebumian itu di Pennsylvania Avenue. Bolehkah anda bayangkan mengapa dia menerima penghormatan yang begitu besar? Adakah kerana dia seorang yang terkenal? Oh, tidak! Adakah kerana dia seorang konsul terhormat? Oh, tidak! Anda tidak akan dapat meneka. Ia adalah kerana dia merupakan pengarang lagu yang indah dan disukai: “Home, Sweet Home!” Lagu itu dinyanyikan oleh satu ribu suara koir di sebelah kuburnya.

Berikut adalah sebahagian daripada liriknya: “Walaupun kita mengembara di tengah-tengah keseronokan dan istana, tidak ada tempat yang sama seperti rumah meskipun ia sangat sederhana. Pesona dari langit nampaknya menyucikan kita di sana, yang dicari di seluruh dunia, tidak pernah ditemui di tempat lain.”

Setiap bahasa di dunia mempunyai satu perkataan untuk istilah “house (rumah)”, tetapi hanya bahasa-bahasa di negara Kristian yang mempunyai perkataan “home (rumah)” untuk istilah itu. “Home” adalah sebuah rumah di mana orang-orang mengasihi Tuhan dan mengasihi satu sama lain. Salomo mempunyai keinginan di dalam hatinya untuk “mendirikan sebuah rumah bagi nama TUHAN, Allah.” Sudah pasti Tuhan gembira untuk memberkati rumah itu dengan hadirat-Nya. Tetapi Yesaya memberitahu kita bahawa Tuhan “juga bersama-sama orang yang remuk dan rendah hati.” Betapa satu pemikiran yang agung! Kita boleh menjadikan hati kita sebuah rumah yang indah, di mana Tuhan akan senang untuk tinggal! Adakah hati anda remuk (bertaubat)? Adakah anda menyedari kesalahan-kesalahan anda dan mengakui dosa-dosa anda? Adakah anda rendah hati? Jika ya, anda akan mengetahui sukacita Tuhan.

– Eric B. Hare, *Make God First*, ms. 182.

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Salomo mempunyai keinginan untuk ‘mendirikan sebuah rumah bagi nama TUHAN, Allah’ di mana Tuhan senang untuk memberkati rumah itu dengan hadirat-Nya. Tetapi Yesaya memberitahu kita bahawa Tuhan juga akan tinggal di dalam hati orang yang rendah hati.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah jenis rumah di mana Tuhan akan gembira untuk hadir, seperti yang dilihat oleh nabi Yesaya?
2. Bagaimana kita boleh menjadikan hati kita “rumah yang indah di mana Tuhan akan senang untuk tinggal?”

25 Pengaruh Sebuah Rumah Tangga Kristian

“Barangsiapa mengikut Aku, ia tidak akan berjalan dalam kegelapan, melainkan ia akan mempunyai terang hidup” (Yohanes 8:12).

Masa kita, kekuatan kita, tenaga kita adalah milik Tuhan; dan jika semua itu didedikasikan kepada pelayanan-Nya, terang kita akan bersinar. Ia pertama-tama memberi kesan dan paling kuat mempengaruhi mereka yang ada di dalam rumah tangga kita, mereka yang bergaul paling intim dengan kita; tetapi ia akan diperluaskan di luar rumah, bahkan kepada “dunia.” Kepada ramai orang ia akan menjadi satu kenikmatan hidup; tetapi ada sesetengah orang yang akan menolak untuk melihat terang, mahupun berjalan di dalamnya. Mereka adalah dari kelas yang diperkatakan oleh Juruselamat kita, apabila Dia berkata: “Dan inilah hukuman itu: Terang telah datang ke dalam dunia, tetapi manusia lebih menyukai kegelapan dari pada terang, sebab perbuatan-perbuatan mereka jahat” (Yoh 3:19). Orang-orang sedemikian berada dalam posisi yang sangat bahaya; tetapi haluan hidup mereka tidak melepaskan kita daripada kewajiban menyinarkan terang kita.

Katakanlah bahawa oleh kerana beberapa kapal laut tidak mengendahkan lampu isyarat amaran, lalu hancur berkeping-keping di atas batu-batu, maka penjaga rumah api akan memadamkan lampunya dan berkata, “Saya tidak akan memberi perhatian kepada rumah api itu lagi”; apakah akibatnya kelak? Tetapi dia tidak melakukan demikian. Dia tetap membiarkan lampu itu menyala sepanjang malam, melemparkan cahayanya menembusi kegelapan, untuk kebaikan setiap pelaut yang datang ke dalam lingkungan jangkauan batu-batu dan beting-beting yang berbahaya. Jika sekiranya beberapa kapal karam kerana lampu telah mati, ia akan dikirimkan melalui telegraf ke seluruh dunia bahawa pada malam seperti itu, pada titik seperti itu, sebuah kapal telah hancur berkeping-keping di atas batu-batu kerana lampu menara api tidak dinyalakan.

Tetapi jika beberapa kapal telah karam kerana mereka tidak memberi perhatian kepada lampu itu, penjaga rumah api itu tidak bersalah; mereka telah diberi amaran, tetapi mereka tidak menghiraukan.

Bagaimana jika lampu dalam rumah tangga akan mati? Maka setiap orang dalam rumah itu akan berada dalam kegelapan; dan kesannya membawa bencana sama seperti lampu yang mati di menara rumah api. Sahabat-sahabat Kristian, jiwa-jiwa sedang memandang kepada anda, untuk melihat apakah anda mabuk dengan kekhuatiran hidup ini, atau sedang bersedia untuk masa depan, untuk kehidupan kekal. Mereka akan mengamati untuk melihat apa pengaruh kehidupan anda, dan sama ada anda seorang misionari sejati di rumah, melatih anak-anak anda untuk syurga.

Tugas pertama orang Kristian ialah dalam rumah tangga. Para bapa dan ibu, tanggungjawab anda adalah besar. Anda sedang menyediakan anak-anak anda untuk kehidupan atau untuk kematian; anda sedang melatih mereka untuk satu tempat yang kekal di atas dunia, untuk kepuasan diri dalam kehidupan ini, atau untuk kehidupan kekal, untuk memuji Tuhan selamanya. Yang mana satukah itu? Ia harus menjadi beban hidup anda untuk memastikan

setiap anak yang Tuhan telah amanahkan kepada anda menerima acuan Ilahi (Signs of the Times, Nov.14, 1886).

– Ellen G. White, Reflecting Christ, ms. 167

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Pengaruh sebuah rumah tangga Kristian adalah sama seperti terang yang bersinar. Ia mempengaruhi keluarga itu sendiri dan ia mempengaruhi kehidupan orang lain di luar rumah. Kita tidak dapat mengatakan berapa jauh pengaruh ini akan dirasakan tetapi sekalipun ia hanya akan mempengaruhi satu orang lain, Tuhan akan dimuliakan.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah yang ibu bapa perlu lakukan untuk mencipta sebuah rumah tangga Kristian?
2. Bagaimana kita boleh menjadikan Yesus sebagai pusat rumah tangga kita?
3. Senaraikan cara-cara ahli-ahli keluarga boleh menjadi terang kepada orang-orang di sekeliling mereka.

26 Alkitab Adalah Suara Tuhan Kepada Keluarga

“Sesungguhnya, anak-anak adalah milik pusaka dari pada TUHAN” (Mazmur 127:3).

Ibu bapa perlu diperbaharui; para pendeta perlu diperbaharui; mereka memerlukan Tuhan dalam rumah tangga mereka. Jika mereka mahu melihat keadaan yang berbeza, mereka harus membawa Firman Tuhan ke dalam keluarga mereka dan harus menjadikannya kaunselor mereka. Mereka harus mengajar anak-anak mereka bahawa ia adalah suara Tuhan yang ditujukan kepada mereka, dan harus dituruti secara mutlak. Mereka harus mendidik anak-anak mereka dengan sabar, mengajar mereka dengan baik dan dan tak kenal lelah bagaimana untuk hidup supaya menyenangkan Tuhan. Anak-anak dari rumah tangga yang sedemikian bersedia untuk menghadapi kecanggihan kekafiran. Mereka telah menerima Alkitab sebagai asas iman mereka, dan mereka mempunyai dasar yang tidak boleh dihanyutkan oleh gelombang keraguan yang masuk.

Terlalu banyak rumah tangga di mana doa diabaikan. Ibu bapa merasakan bahawa mereka tidak mempunyai masa untuk kebaktian pagi dan petang. Mereka tidak boleh meluangkan beberapa saat untuk digunakan dalam bersyukur kepada Tuhan atas rahmat-Nya yang berlimpah – untuk berkat matahari dan curahan hujan, yang menyebabkan tumbuhan berkembang, dan untuk penjagaan dari malaikat-malaikat kudus. Mereka tidak mempunyai masa untuk memanjatkan doa meminta pertolongan serta bimbingan Ilahi dan untuk hadirat Yesus yang kekal di dalam rumah tangga. Mereka pergi bekerja... tanpa ada satu pun pemikiran tentang Tuhan mahupun syurga. Mereka mempunyai jiwa-jiwa yang sangat berharga di mana daripada membiarkan mereka hilang tanpa harapan, Anak Tuhan sanggup memberikan nyawa-Nya untuk menebus mereka...

Seperti para bapa pada zaman purbakala, mereka yang mengaku mengasihi Tuhan harus mendirikan mazbah bagi Tuhan di mana pun mereka memasang khemah mereka. Jika pernah ada masa di mana setiap rumah harus menjadi sebuah rumah doa, sekaranglah masanya. Para bapa dan ibu harus selalu mengangkat hati mereka kepada Tuhan dalam permohonan yang rendah hati untuk diri mereka sendiri dan untuk anak-anak mereka. Biarlah bapa, sebagai imam rumah tangga, meletakkan di atas mazbah Tuhan korban bakaran pagi dan petang, sementara isteri dan anak-anak bersatu dalam doa dan pujian. Dalam rumah tangga yang sedemikian Yesus akan suka untuk tinggal.

Dari setiap rumah tangga Kristian satu terang suci harus bersinar keluar. Kasih harus ditunjukkan dalam perbuatan. Ia harus mengalir keluar dalam semua perhubungan di rumah, menunjukkan dirinya dalam kebaikan yang bertimbang rasa, dalam budi bahasa yang lembut dan tidak mementingkan diri. Terdapat rumah-rumah di mana prinsip ini diamalkan – rumah-rumah dimana Tuhan disembah dan cinta sejati memerintah. Dari rumah-rumah ini pagi dan petang doa naik kepada Tuhan sebagai ukupan yang harum, maka rahmat dan berkat-berkatNya turun ke atas para pemohon doa seperti embun pagi. – Patriarchs and Prophets, ms. 143, 144.

Apa yang akan menjadikan tabiat elok di rumah adalah apa yang akan menjadikan ia elok di rumah agam syurgawi. – Child Guidance, ms. 481

– Ellen G. White, Reflecting Christ, ms. 182

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Ibu bapa harus membawa Firman-Nya kepada keluarga mereka dan menjadikannya sebagai panduan keluarga mereka. Alkitab adalah suara Tuhan dalam bentuk bertulis dan oleh itu harus menerima penghormatan dan kesetiaan kita. Setiap rumah harus mempunyai satu mazbah keluarga – satu tempat khusus di dalam rumah di mana mereka mengadakan masa kebaktian keluarga dan/atau individu.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan “setiap rumah harus menjadi sebuah rumah doa”?
2. Jelaskan apa yang keluarga boleh lakukan untuk menjadikan rumah mereka sebuah ‘rumah doa.’
3. Apa yang ibu bapa boleh lakukan untuk membantu anak-anak mereka agar menganggap Alkitab sebagai ‘suara Tuhan’?

27 Berpaut Kepada Yang Maha Kuat Di Syurga

“Kiranya kemurahan Tuhan, Allah kami, atas kami, dan teguhkanlah perbuatan tangan kami, ya, perbuatan tangan kami, teguhkanlah itu.” (Mazmur 90:17).

Anak-anak anda harus diajar untuk mengawal sikap cepat marah mereka dan untuk memupuk roh penyayang dan serupa seperti Kristus. Jadi arahkan mereka supaya mereka akan menyukai pelayanan Tuhan sehingga mereka akan lebih seronok pergi ke rumah kebaktian daripada ke tempat-tempat hiburan. Ajar mereka bahawa agama adalah satu prinsip yang hidup. Kalaulah saya telah dibesarkan dengan idea bahawa agama hanyalah sekadar satu perasaan, hidup saya telah menjadi tidak berguna. Tetapi saya tidak pernah membiarkan perasaan berada di antara Syurga dan jiwa saya. Apa pun perasaan saya, saya akan mencari Tuhan pada permulaan hari, pada waktu tengah hari, dan pada waktu malam, supaya saya boleh mendapat kekuatan daripada Sumber kuasa yang hidup.

[Para ibu] bukankah... [masamu] telah diberikan kepadamu untuk digunakan dalam mengindahkan minda anak-anakmu, dan memupuk keelokan tabiat? Tidakkah ia harus digunakan dalam berpaut kepada Yang Maha Kuat di syurga, dan mencari Dia untuk mendapat kuasa dan hikmat untuk mendidik anak-anakmu untuk satu tempat dalam kerajaan-Nya, untuk memperoleh bagi mereka suatu kehidupan yang akan bertahan selamanya seperti takhta Yehovah?...

Mungkin para ibu duduk dengan kerjanya malam demi malam, sementara anak-anaknya pergi tidur tanpa doa mahupun kucupan selamat malam. Dia tidak mengikat hati mereka yang lembut kepada hatinya sendiri dengan tali kasih; kerana dia “terlalu sibuk”...

Sesetengah orang mungkin tertanya-tanya mengapa kita berbicara terlalu banyak tentang agama rumah tangga dan anak-anak. Ia adalah kerana pengabaian yang teruk akan tugas-tugas rumah tangga di pihak ramai orang. Sebagai hamba-hamba Tuhan, para ibu bapa, anda bertanggungjawab terhadap anak-anak yang diserahkan kepada penjagaan anda. Ramai daripada mereka yang membesar tanpa rasa hormat, membesar dengan cuai dan tidak beragama, tidak berterima kasih dan tidak suci.

Sekiranya anak-anak ini telah dilatih dan didisiplinkan dengan betul, sekiranya mereka telah dibesarkan dalam asuhan dan peringatan dari Tuhan, malaikat-malaikat syurgawi akan berada di rumah anda. Jika anda adalah misionari sejati di rumah... anda akan... melayakkan anak-anak anda untuk berdiri di sisi anda, sebagai para pekerja yang efisien dalam pekerjaan Tuhan.

Betapa luar biasa kesannya ke atas masyarakat untuk melihat sebuah keluarga yang bersatu dalam pekerjaan dan pelayanan Tuhan. Keluarga yang sedemikian adalah satu ceramah yang sangat berkuasa yang menyokong realiti Kekristianan. Orang lain melihat bahawa ada satu pengaruh yang sedang bekerja dalam keluarga yang mempengaruhi anak-anak, dan bahawa Tuhan Abraham menyertai mereka. Dan apa yang mempunyai pengaruh yang penuh kuasa ke atas anak-anak dirasakan di luar rumah, dan mempengaruhi kehidupan orang lain. Jika rumah-rumah orang-orang yang mengaku Kristian mempunyai acuan agama yang betul,

mereka akan mengenakan pengaruh yang besar untuk kebaikan. Sesungguhnya, mereka akan menjadi “terang dunia.” – Signs of the Times, Jan. 14, 1886.

– Ellen G. White, Reflecting Christ, ms. 169

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Keluarga yang bersatu dalam pekerjaan dan pelayanan Tuhan adalah saksi yang sangat berkuasa yang menyokong Kekristianan. Orang lain boleh melihat pengaruh Tuhan dalam keluarga dan bagaimana ia mempengaruhi anak-anak. Kuasa dari pengaruh yang sedemikian adalah sangat besar sehingga ia boleh dirasakan di luar rumah.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah manfaat-manfaat dari selalu terhubung kepada Sumber kehidupan?
2. Mengapa agama yang diamalkan di rumah sangat penting bagi anak-anak?
3. Bagaimana ahli-ahli keluarga boleh menjadi terang kepada dunia?

28 Sebuah Hujah Yang Tidak Dapat Ditolak Oleh Orang Kafir

“Percayalah kepada terang itu, selama terang itu ada padamu, supaya kamu menjadi anak-anak terang” (Yohanes 12:36).

Rumah tangga yang diatur dengan baik adalah satu hujah yang tidak dapat ditolak oleh orang kafir. Dia tidak menemukan tempat untuk menimbulkan bantahannya yang remeh-temeh [mencari-cari kesalahan yang remeh]. Dan anak-anak dari rumah tangga yang sedemikian bersedia untuk menghadapi kecanggihan kekafiran. Mereka telah menerima Alkitab sebagai asas iman mereka, dan mereka mempunyai dasar yang tidak boleh dihanyutkan oleh gelombang keraguan yang masuk.

Kata Kristus, “Kamu adalah terang dunia” (Mat 5:14). Dia telah mengamanahkan talenta di bawah penjagaan kita. Apa yang sedang kita lakukan dengan kurnia-kurnia kita? Adakah kita menyinarkan terang kita dengan menggunakan mereka untuk kemuliaan-Nya dan untuk manfaat sesama manusia, atau adakah kita sedang menggunakan mereka untuk memajukan minat-minat kita yang mementingkan diri? Ramai orang yang sedang menggunakan mereka secara mementingkan diri. Mereka seolah-olah tidak sedar bahawa kita semua terikat kepada penghakiman, dan tidak lama lagi harus memberi laporan untuk kegunaan yang kita telah buat dari peluang-peluang yang Tuhan berikan untuk melakukan kebaikan. Tetapi apakah alasan yang akan mereka berikan pada hari besar itu kerana tidak menggunakan dalam pekerjaan Tuhan kemahiran, pendidikan, kebijaksanaan, ketabahan dan semangat mereka?

Kita memerlukan pertolongan Ilahi jika kita mahu lampu kita tetap menyala. Tetapi Yesus mati untuk menyediakan pertolongan itu. Dia memberikan undangan: “Kecuali kalau mereka mencari perlindungan kepada-Ku dan mencari damai dengan Aku, ya mencari damai dengan Aku!” (Yes 27:5). Berpautlah kepada lengan Kuasa yang tak terbatas; maka anda akan mendapati Dia berharga bagi jiwa anda, dan seluruh syurga akan berada di bawah perintah anda. “Tetapi jika kita hidup di dalam terang sama seperti Dia ada di dalam terang” (1 Yoh 1:7), kita akan ditemani oleh malaikat-malaikat kudus. Kepada “Yosua” telah dikatakan, “Beginilah firman TUHAN semesta alam: Apabila engkau hidup menurut jalan yang Kutunjukkan dan melakukan tugas yang Kuberikan kepadamu, maka... Aku akan mengizinkan engkau masuk ke antara mereka yang berdiri melayani di sini” (Zak 3:7). Dan siapakah “mereka yang berdiri melayani” itu? Mereka adalah malaikat-malaikat Tuhan. Yosua harus mempunyai kepercayaan yang hidup dan membuka isi hati kepada Tuhan setiap hari; maka malaikat-malaikat akan berjalan dengan dia, dan kuasa Tuhan akan menyertainya dalam semua pekerjaannya. Oleh itu, teman-teman Kristian, para bapa dan para ibu, jangan pernah biarkan terang anda menjadi malap! Jangan pernah biarkan hati anda menjadi lemah, atau tangan anda menjadi lelah! Dan dengan segera pintu gerbang kota syurgawi akan dibuka bagi anda; dan anda boleh mempersembahkan diri sendiri dan anak-anak anda di hadapan takhta, dan berkata, “Inilah saya dan anak-anak yang diberikan TUHAN kepada saya” (Yes 8:18, Alkitab Kabar Baik). Alangkah indahnya ganjaran untuk kesetiaan itu nanti, melihat anak-anak anda dimahkotai dengan kehidupan kekal di kota Tuhan yang indah! – Signs of the Times, Jan. 14, 1886.

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Siapa kita dan apa nilai-nilai yang kita pameran di rumah boleh meniadakan atau menguatkan kesaksian Kristian kita. Seorang yang bukan umat percaya tidak dapat menolak rumah tangga yang menerima dan benar-benar mempercayai Alkitab sebagai asas iman mereka. Keluarga itu mempunyai dasar yang teguh yang tidak dapat digoyahkan oleh apa pun keraguan.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Adakah “rumah tangga Kristian yang diatur dengan baik” bermaksud ia bebas daripada pertengkaran dan masalah? Mengapa?
2. Bagaimana ibu bapa dan anak-anak boleh menyumbang ke arah keluarga yang diatur dengan baik?
3. Apakah sumber sebenar kesaksian sebuah keluarga untuk Tuhan?

29 Bagaimana Menyatukan Hati

“Maka ia akan membuat hati bapa-bapa berbalik kepada anak-anaknya dan hati anak-anak kepada bapa-bapanya” (Maleakhi 4:6).

Prinsip cinta didirikan oleh Tuhan sebelum dosa, supaya Adam, Hawa dan keturunan mereka boleh hidup dengan bahagia. Kita telah melihat sekarang bagaimana Syaitan mencampuradukkan makna cinta dengan keghairahan, seks bebas dan keinginan daging. Oleh itu, adalah perlu bagi Tuhan untuk mencipta perbezaan di antara cinta sejati dan cinta manusia. Tuhan menetapkan cinta sebagai satu prinsip tingkah laku yang abadi dan bukan satu perasaan, atau satu sensasi fizikal, apalagi satu pengalaman yang secara kebetulan. Cinta yang murni, dalam apa pun keadaan, adalah elemen yang penting yang membawa kedamaian kepada hati dan membimbing fikiran untuk memutuskan dengan benar bagaimana untuk menyelesaikan masalah.

Dalam budaya di mana fikiran orang kebanyakannya berfokus pada apa yang jahat, kita perlukan sesuatu dalam pengalaman peribadi kita untuk membantu kita supaya prinsip cinta sejati ini tetap hidup dalam fikiran kita. “Sesuatu” ini adalah pertaubatan atau pembenaran oleh iman di dalam Kristus. Ini adalah prinsip yang kedua yang Tuhan telah berikan di Eden, supaya Adam dan Hawa masih boleh mencintai satu sama lain walaupun setelah dosa masuk. Kejadian 3:15 dan 21 memberitahu kita bahawa seekor anak domba telah dikorbankan untuk ibu bapa pertama kita. Darah dicurahkan untuk mengajar dunia bahawa cinta sejati hanya boleh datang melalui iman kepada Anak Domba Allah! Dengan kata lain, kita menerima cinta yang sedemikian dengan berjalan setiap hari bersama Kristus.

Seorang anak lelaki pernah mempunyai satu pertengkaran yang serius dengan bapanya. Ibu melihat perbincangan yang panas itu tetapi tetap berdiam diri saja. Apabila anak itu meninggalkan rumah, dia berkata kepada suaminya: “Ernest, kamu tidak betul. Mengapa kamu begitu menuntut tinggi terhadap anak itu?”

Suami itu membalas, “Adakah kamu fikir bahawa saya harus merendahkan diri saya di hadapan anak muda yang degil itu? Dia akan berfikir yang dia selalu betul!”

Lalu isterinya menjawab, “Kamu tersilap! Bukankah kita orang Kristian? Dengar Ernest, kita harus mengajar anak-anak kita bahawa kita hidup melalui pengampunan Tuhan. Kesatuan keluarga tidak bergantung pada kuasamu, melainkan dari kasih kurnia dan kesetiaan Juruselamat kita.” Suami itu tidak memberi respons.

Kemudian, apabila anak lelakinya kembali ke rumah, bapa itu memanggil dia dan berkata: “Anakku, kamu betul. Saya minta maaf kerana tidak menyedari ini lebih awal. Tolong ampuni saya!”

“Bapaku,” balas anak lelaki itu sambil menelan air liur yang begitu payah. Kemudian dia memalingkan kepala sebelum bapanya boleh melihat air mata kesyukurannya. – Power and Light, 06/12/60.

– Moyses S. Nigri, *Walking with God Every Day*, ms. 339

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

Cinta atau kasih sejati adalah elemen yang penting yang membawa kedamaian kepada hati dan membimbing fikiran untuk memutuskan dengan betul dan untuk menyelesaikan masalah. Dalam sebarang kes, kesatuan keluarga tidak bergantung pada kuasa ibu bapa melainkan datang dari kasih kurnia dan kesetiaan Juruselamat kita.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Sebagai bapa atau ibu, kutip satu contoh ketika anda mengakui kesilapan atau kesalahan anda kepada anak/anak-anak anda. Bagaimana pengalaman itu mempengaruhi kewibawaan anda sebagai seorang ibu atau bapa?
2. Senaraikan cara-cara spesifik di mana ibu bapa dan anak-anak menyumbang ke arah mempunyai kesatuan di rumah.

30 Prinsip-prinsip Rumah Tangga Bahagia

“Yesus dan murid-murid-Nya diundang juga ke perkawinan itu” (Yohanes 2:2).

Bolehkah anda bayangkan hak istimewa pasangan pengantin itu untuk dapat mengundang Yesus dan murid-muridNya ke majlis perkahwinan mereka? Adakah mereka faham akan makna kehadiran Tuan itu? Adalah menarik bahawa, seperti banyak majlis perkahwinan, satu masalah telah timbul. Ia bukan sesuatu yang sangat sukar. Mereka kehabisan air anggur. Di negara saya, Brazil, itu sama seperti kehabisan air minuman campuran sebelum pesta berakhir.

Beberapa tahun yang lalu, saya hampir menunda sebuah upacara perkahwinan di mana saya diminta untuk berkhotbah. Pengantin perempuan dan pengantin lelaki mempunyai salah faham yang membimbangkan kami semua. Tetapi hari ini mereka merupakan pasangan berkahwin yang bahagia. Mengapa? Mereka telah mengundang Yesus ke majlis perkahwinan mereka. Mereka meminta Kristus untuk menjadi sebahagian daripada rumah tangga mereka. Dan Tuhan telah membekalkan segala keperluan mereka.

Kehadiran Yesus adalah bahagian yang paling penting dalam perkahwinan yang berjaya. Tanpa Kristus, adalah mustahil untuk menikmati kebahagiaan yang penuh. Kristuslah yang akan memimpin rumah tangga dan menyediakan garis panduan yang diperlukan bagi ibu bapa dan anak-anak tentang bagaimana untuk hidup di dunia dalam persediaan untuk rumah di syurga.

Walau bagaimanapun, terdapat faktor-faktor lain yang sederhana dan praktikal yang boleh mempengaruhi secara positif hubungan pasangan suami isteri. Saya memanggilnya sebagai “Saat-Saat Istimewa.” Yang pertama ialah Saat Kita Bersama Tuhan. Adakah kita mengambil waktu setiap hari untuk kebaktian peribadi? Adakah kita berpuasa dan berdoa? Adakah kita membaca Alkitab kita? Setiap satu kita memerlukan masa tenang bersendirian bersama Tuhan.

Yang kedua ialah Saat Untuk Merancang. Kita hidup di dunia yang sibuk, di mana bapa dan ibu harus bekerja. Kebanyakan masa isteri tidak lagi berada di rumah sepenuh masa, tetapi berganding bahu dengan pasangan, menyediakan makanan bagi keluarga. Kedua-dua mereka mempunyai peperangan dan kesukaran di tempat kerja dan pulang ke rumah dengan letih! Anak-anak pulang dari sekolah, mereka mempunyai kerja rumah untuk disiapkan, buku-buku untuk dibaca... Siapa yang akan mengambil tanggungjawab di rumah? Adakah isteri seorang diri saja? Suami mengharapkan hidangan makan malam tetapi selalunya tidak menawarkan diri untuk membantu. Keluarga memerlukan perancangan tentang bagaimana bekerjasama, jika tidak mahu konflik dan tekanan timbul dalam rumah tangga.

Yang ketiga ialah Saat-Saat Untuk Keluarga. Walaupun kebaktian keluarga adalah sangat penting, terdapat juga keperluan untuk menyediakan masa untuk berbual dan berkongsi. Setiap ahli keluarga perlu mendengar tentang kemenangan-kemenangan atau kekecewaan-kekecewaan kecil yang berlaku dalam hidup satu sama lain. Persahabatan yang sedemikian membina keintiman dalam keluarga dan sangat penting. Perkahwinan sering digelar sebagai

satu perjalanan, tetapi kita semua mencari satu destinasi yaitu surga! Kita tiba di sana dengan bertumbuh setiap hari di dalam Kristus. Keluarga perlu belajar untuk menangani konflik. Mereka perlu belajar untuk berkata, “Maafkan saya. Tolong ampuni saya. Saya salah.”

Ellen White memberi kita nasihat mengenai orang-orang yang sedang berfikir untuk mahu berkahwin: “Jika para lelaki dan wanita biasa berdoa dua kali sehari sebelum mereka mulai memikirkan perkahwinan, mereka harus berdoa empat kali sehari apabila langkah ke arah perkahwinan dijangkakan. Perkahwinan adalah sesuatu yang akan mempengaruhi hidup anda, di dunia ini dan di dunia yang akan datang.” –Messages to Young People, ms. 460.

– LeoRanzolin, Jesus, the Morning Dew, ms. 179

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

“Jikalau bukan TUHAN yang membangun rumah, sia-sialah usaha orang yang membangunnya.” Yesus adalah satu-satunya dasar di mana di atasnya kita harus membina hidup kita, keluarga kita dan hubungan kita. Ini adalah suatu dasar yang pasti.

SOALAN PERBINCANGAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah beberapa cara-cara praktikal para pasangan boleh mengukuhkan hubungan mereka dengan Tuhan dan dengan satu sama lain?
2. Bagaimana seharusnya ibu bapa mengimplementasikan peraturan dalam rumah tangga mereka di mana anak-anak akan gembira untuk mematuhi dan pada masa yang sama memupuk mereka di dalam Tuhan?
3. Bagaimana kita boleh mencapai hubungan yang menyelamatkan dengan Tuhan dan dengan manusia sesama kita?

31 Menunjukkan Cinta: Bila Dan Bagaimana

“Jadi bekerjalah Yakub tujuh tahun lamanya untuk mendapat Rahel itu, tetapi yang tujuh tahun itu dianggapnya seperti beberapa hari saja, karena cintanya kepada Rahel” (Kejadian 29:20).

“Cintalah yang membuatkan kita gembira, cintalah yang meratakan jalan; ia membantu kita untuk berasa peduli, ia membuatkan kita baik hati terhadap orang lain setiap hari” – F. E. Belden.

Cinta pertama yang kita temui dalam hidup ialah cinta dari bapa dan ibu kita. Seterusnya, kita mengalami cinta dari adik-beradik dan teman-teman kita. Kemudian kita melihat cinta dalam zaman remaja apabila seorang budak lelaki tertarik kepada seorang budak perempuan dan sebaliknya. Sebagai orang dewasa muda, orang mulai berfikir secara serius tentang merancang rumah tangga di masa depan. Seorang lelaki muda menjadi berminat dan memilih seorang gadis muda yang istimewa. Jika mereka memasuki kolej, perkahwinan sering kali berlaku selepas penamatan sekolah. Semua jenis-jenis cinta yang berbeza ini mempengaruhi cinta yang akan menyusul seterusnya.

Secara semulajadi ibu bapa suka memeluk dan mencium anak-anak mereka. Sesetengah adik-beradik akan memeluk satu sama lain, tetapi kita biasanya tidak memeluk dan mencium teman-teman kita. Suami dan isteri harus menyatakan cinta mereka dalam pelukan yang hangat atau ciuman yang lembut. Tetapi pernyataan cinta di antara pasangan muda harus tidak melebihi batas-batas tertentu sebelum perkahwinan.

Setiap kita suka untuk memiliki barang-barang kita sendiri. Apabila di bawah kawalan, adalah baik untuk bekerja, menyimpan wang dan membuat belian. Tetapi apabila keinginan kita terhadap benda-benda material melebihi kawalan, ia menjadikan orang sengsara dan mengubah banyak orang menjadi pencuri.

Begitu juga dengan cinta. Ia adalah suatu perkara yang baik untuk diingini dan dikawal. Cinta yang sihat adalah indah, baik dan suci. Tetapi apabila cinta tidak dikawal, apabila nafsu menguasai, kita jatuh ke dalam dosa dan kekecewaan. Hubungan kita menjadi mati dan kering apabila kita mengenggam cinta dengan tamak dan bukannya menyatakan cinta yang murni. Hari-hari sedih kita akan terasa seperti bertahun-tahun lamanya. Jadi bermainlah permainan cinta yang suci dengan hati-hati. Ikuti peraturan maka suatu hari nanti anda akan bersedia untuk sebuah cinta yang akan membuatkan anda bahagia dan menjadikan tahun-tahun seperti hanya beberapa hari yang singkat.

– Eric B. Hare, *Make God First*, ms. 22

UNTUK RENUNGAN

Pemikiran Utama:

“Untuk segala sesuatu ada waktunya,” kata raja agung yang bijaksana itu. Perkataan “tunggu” kadang-kadang menyakitkan tetapi di dalam Tuhan tidak ada tempoh menunggu kerana Dia selalu menepati waktu. Dia tidak terikat dengan ruang dan waktu seperti kita. Apabila Marta dan Maria berfikir bahawa Yesus sudah empat hari terlambat untuk memulihkan Lazarus, Dia masih datang tepat pada waktunya. Dia membangkitkan Lazarus dari kubur mengikut jadual waktu Tuhan.

SOALAN PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Apakah kebaikan yang boleh kita dapat dari renungan kebaktian ini untuk cinta, berpacaran dan perkahwinan?
2. Adakah penimbunan (benda material) itu satu dosa? Mengapa?
3. Bagaimana anda mengatasi godaan untuk mengingini benda-benda material secara berlebihan?